

Kesan Sejarah Dan Tempat-Tempat Menarik

**Negeri Pahang
Darul Makmur**

Mohamed Roselan Abdul Malek



Oscar Book International

Gambar-gambar foto di muka-muka surat 2 - 4 adalah dengan ihsan Jabatan Penerangan Malaysia; 65, 72, 73, 74, 75, 76, 77, 78, 79, 80, 81 dengan ihsan Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang.

© Oscar Book International
Cetakan Pertama 1998

OSCAR BOOK INTERNATIONAL
37 A, JALAN 20/16,
PARAMOUNT GARDEN,
46300 PETALING JAYA,
SELANGOR DARUL EHSAN.

AMARAN ATAS HAKCIPTA

Semua hakcipta terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula atau dipindahkan dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, baik dengan cara elektronik, mekanik, penggambaran ataupun sebaliknya tanpa izin yang bertulis terlebih dahulu daripada pihak penerbit.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Mohamed Roselan Abd. Malek

Negeri Pahang Darul Makmur / Mohamed Roselan Abd. Malek

(Siri kesan sejarah dan tempat-tempat menarik)

ISBN 967-941-337-3 (set)

ISBN 967-941-345-4

1. Pahang--History. 2. Pahang--Description and travel.

I. Judul II. Siri

959.5123

Dicetak Oleh:

Percetakan Soonly Trading

No. 10, Jalan BS 7/10,

Kawasan Perindustrian Bukit Serdang,

43300 Seri Kembangan,

Selangor Darul Ehsan.

M

953140

9 JUL 1998

Perpustakaan Awam
Negeri Pahang



PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM PAHANG

Jalan Gambut, 25000 Kuantan, Pahang Darul Makmur. Tel: 09-553411, 551606 Fax: 09-551607

Bil. Surat Tuan:

Bil. Surat Kami:

Tarikh: 16hb. September, 1997



Kata-Kata Aluan

Ilmu pengetahuan tidak ada batasannya dan tidak terjangkau sempadananya oleh pemikiran manusia. Walaupun telah banyak ilmu pengetahuan yang telah dikumpul dan ditulis, yang pastinya masih banyak yang terpendam dan menunggu untuk diterokai.

Dalam konteks Malaysia hari ini, masih banyak perkara mengenai Malaysia yang masih belum ditulis dan dibukukan. Oleh itu, usaha untuk menerbitkan buku mengenai **Kesan Sejarah Dan Tempat-Tempat Menarik di Malaysia**, adalah sesuatu yang patut dibanggakan dan diberikan sokongan yang sewajarnya.

Semoga lebih banyak buku mengenai Malaysia dapat diterbitkan bagi menampung kekurangan buku-buku dan bahan-bahan bacaan mengenai Malaysia yang masih ketara pada masa ini. Bahan-bahan bacaan seumpamanya ini bukan sahaja akan memudahkan rakyat Malaysia untuk lebih mengenali negaranya sendiri, tetapi juga akan menjadi sumber bacaan bagi rakyat negara-negara lain untuk lebih mengenali Malaysia. Oleh itu, saya mengucapkan syabas dan tahniah di atas usaha yang dijalanan ini dan berharap ianya berterusan dan mendapat sambutan.

Sekian, terima kasih.

YUNUS BIN MOHD. YUSOF

Pengarah

Perbadanan Perpustakaan

Awam Pahang.

KANDUNGAN

| | <i>Muka Surat</i> |
|-------------------------------------|-------------------|
| Peta | 1 |
| Bendera & Lambang | 2 |
| Sultan | 3 |
| Menteri Besar | 4 |
| Sejarah Ringkas Pahang Darul Makmur | 5 |
| Kuantan | 15 |
| Jerantut | 17 |
| Kuala Lipis | 21 |
| Kuala Semantan | 22 |
| Cameron Highlands | 24 |
| Muzium Sultan Abu Bakar | 26 |
| Bangunan Kelab Pahang | 28 |
| Tasik Cini | 29 |
| Hutan Lipur Lentang | 33 |
| Hutan Lipur Chamang | 34 |
| Rumah Residen | 35 |
| Rumah Kelahiran Tun Abdul Razak | 36 |
| Gua Kota Gelanggi | 39 |
| Bukit Frazer | 42 |
| Makam Lubuk Pelang | 44 |

Muka Surat


| | |
|--|----|
| Taman Rimba Kenong | 48 |
| Taman Negara | 50 |
| Tekam Plantation Resort | 52 |
| Pulau Tioman | 54 |
| Pulau Mentagan | 57 |
| Gua Pancing | 60 |
| Gua Bama | 62 |
| Perbadanan Perpustakaan Awan Negeri Pahang | 65 |

PETA

Pahang Darul Makmur



Bendera Negeri Pahang Darul Makmur



Lambang

Lambang-lambang tersebut di bawah menggambarkan keteguhan dan semangat cintakan negeri dan negara bagi setiap rakyat. Lambang-lambang ini juga mengingatkan kita tentang perjuangan silam pemerintah-pemerintah terdahulu untuk mewujudkan sebuah negara Malaysia.

*Lambang
Negeri Pahang
Darul Makmur*



- Warna hitam pada lambangnya bermakna kebesaran Bendahara pada masa lalu.
- Warna putih pula melambangkan Raja Negeri Pahang.
- Mata tombak itu ialah contoh mata tombak besar, iaitu 'cogankata' salah satu dari alat kebesaran negeri yang utama, yang menandakan kekuasaan seperti cokmar.
- Gading Gajah bermaksud kekuasaan Raja yang memerintah.

SULTAN NEGERI PAHANG



Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah ibni Al-Marhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al Mu'adzam Shah,D.K.P., D.K., D.K.M., S.S.A.P., S.I.M.P.,D.M.N., D.K. (Perak), D.K. (Johor), D.K. (Kelantan), D.K.(Terengganu), D.K.(Perlis), D.K. (Kedah), D.K.M.B., D.K. (Brunei), D.K. (Negeri Sembilan), D.K. (Selangor), Qiladah Badr Al-Kubra(Saudi Arabia), Qiladah Al-Sheikh Mubarak Al-Kabir (Kuwait), Grand Order of the Mugunghwa (Korea Selatan), Hon. D. Litt (Malaya). L.L.D. hc. (Northrop, USA). diputerakan pada 24 Oktober 1930. Baginda menaiki takhta pada 8 Mei 1975.

MENTERI BESAR NEGERI PAHANG



Yang Amat Berhormat
Dato' Tan Sri Haji Khalil bin Yaakob
S.S.A.P., S.I.M.P., P.S.M., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P.

SEJARAH RINGKAS PAHANG DARUL MAKMUR

NeGERI PAHANG DARUL MAKMUR ialah negeri yang terbesar di Semenanjung Malaysia dan ketiga terbesarnya di Malaysia. Luas negeri Pahang ialah 35,965 kilometer persegi.

SUNGAI PAHANG juga terkenal dengan sungainya yang terpanjang dan terbesar di Semenanjung Malaysia manakala GUNUNG TAHAN pula merupakan gunung yang tertinggi di Semenanjung Malaysia.

Negeri Pahang terletak di pantai timur Semenanjung Malaysia. Seluruh pantainya sepanjang 246 kilometer menghadap ke Laut China Selatan. Di sebelah utara, Pahang bersempadan dengan Terengganu dan Kelantan, di barat daya bersempadan dengan Negeri Sembilan dan di selatannya dengan negeri Johor.

Ibu negeri Pahang ialah Kuantan dan bandar dirajanya ialah Pekan. Pahang mempunyai sebelas daerah iaitu Kuantan, Pekan, Rompin, Temerloh, Jerantut, Maran, Bera, Lipis, Bentong, Raub dan Cameron Highlands.

Sebelum kewujudan Melaka, seluruh kawasan selatan Tanah Melayu pernah disebut di dalam rekod-rekod lama sebagai Pahang Tua. Kerajaan Majapahit misalnya menyebut Tanah Melayu sebagai Pahang. Ini menunjukkan kepentingan dan kekuasaan negeri itu di kawasan selatan Tanah Melayu pada suatu ketika dahulu.

Sebuah peta lama yang dilukis pada kurun ke-16 menunjukkan sempadan selatan Pahang merangkumi Sedili Besar (di Johor sekarang) dan Rembau (di Negeri Sembilan) serta sebahagian daripada negeri Selangor di sebelah barat.

Di beberapa kawasan di Pahang telah ditemui bahan-bahan arkeologi yang berusia ribuan tahun sebelum Masihi dari zaman Mesolitik, Neolitik dan Zaman Gangsa, antaranya ialah di Sungai Lembing, Tembeling dan Tersang.

Dalam catatan sejarah pengembara zaman dahulu, pelbagai nama telah diberikan kepada Pahang. Daripada unsur Arab dan Eropah, Pahang pernah disebut sebagai 'Pam', 'Pan', 'Paam', 'Paon', 'Phaan', 'Phang', 'Pahan', 'Phaun' atau 'Pahangh'.

Dalam catatan Cina pula, mereka menyebut Pahang sebagai 'Pan-pan', 'Peng Keng', 'Peng-feng', 'Pang Hang' atau 'Fong-fong'. Dalam bahasa Khmer perkataan Pahang disebut 'timah'.

Dalam Hikayat Hang Tuah dan lain-lain catatan lama, Pahang dirujuk sebagai 'Indera Pura' dan ibu negerinya ialah Pekan.

Menurut cerita rakyat tempatan, asal usul nama Pahang diperolehi daripada nama sebatang pokok mahang yang amat besar, dikatakan tumbuh di tebing Sungai Pahang. Pokok itu dikatakan amat besar sehingga nampak dari Laut China Selatan. Akibatnya pokok ini menjadi pedoman kepada lanun-lanun di laut untuk merompak penduduk negeri itu.

Dengan itu, pemerintah Pahang ketika itu telah mengarahkan pokok itu ditebang. Akhirnya sekeluarga batin asli seramai tujuh orang telah sanggup untuk menebang pokok itu. Setelah pokok itu tumbang, ketujuh-tujuh orang batin asli itu meninggal dunia.

Menurut cerita, ketujuh-tujuh orang batin asli itu mengambil masa tujuh hari tujuh malam untuk menumbangkan pokok raksasa itu. Setelah tumbang, pangkal pokok mahang itu dikatakan dapat memuatkan sebanyak 40 hidangan.

Daripada peristiwa itu, sungai yang mengalir berhampiran dengan pokok itu dinamakan Sungai Mahang dan negeri itu juga dinamakan Mahang. Tetapi lama-kelamaan sebutan itu bertukar menjadi Pahang dan kekal sehingga hari ini.

Sejarah negeri Pahang Darul Makmur mempunyai kaitan rapat dengan sejarah negeri Melaka. Pertalian sejarah Pahang

dengan Melaka bermula apabila negeri Pahang terlibat secara langsung dalam perperangan antara Melaka dengan Siam ketika Melaka diperintah oleh Sultan Muzaffar Shah (1446-1456). Pada masa itu Melaka terkenal sebagai pelabuhan dan pusat perdagangan di Nusantara.

Perkembangan Melaka itu mendapat perhatian daripada beberapa buah kerajaan yang kuat di Asia Tenggara seperti Siam. Pada masa itu, Siam merupakan negeri yang terkuat dan banyak negeri yang dapat ditaklukinya. Kerajaan Siam memang berhajat hendak menakluki Melaka.

Apabila kerajaan Melaka enggan menurut perintah, kerajaan Siam mula menyerang Melaka. Serangan yang pertama dilakukan melalui jalan darat iaitu melalui negeri Pahang. Pada masa itu, Pahang berada di bawah takluk Siam. Kerajaan Siam tidak berputus asa apabila serangan itu tidak berjaya. Suatu serangan dilakukan lagi, tetapi kali ini melalui jalan laut tetapi gagal juga.

Apabila Melaka diperintah oleh Sultan Mansur Shah (1456-1477), baginda merancang hendak menyerang Pahang yang pada masa itu dikenali sebagai Indera Pura.

Tujuan serangan itu bukan sahaja untuk membalaas serangan Siam tetapi juga kerana baginda tertarik hati dengan kekayaan dan kemakmuran Indera Pura. Ketika itu, Pahang kaya dengan emas dan hutan belantara. Pada masa itu, Indera Pura diperintah oleh wakil kerajaan Siam yang bernama Maharaja Dewa Sura. Angkatan perang Melaka dapat mengalahkan angkatan perang Indera Pura. Kekalahan ini menyebabkan Maharaja Dewa Sura terpaksa melarikan diri, tetapi akhirnya dapat ditawan.

Sejak peristiwa itu, negeri Pahang berada di bawah takluk kerajaan Melaka. Pada mulanya kerajaan Melaka hanya melantik seorang wakil Sultan Melaka untuk memerintah Pahang. Beliau ialah Tun Hamzah yang bergelar Seri Bija Diraja, seorang panglima perang Melaka yang berjaya menangkap Maharaja Dewa Sura.

Bagaimanapun kemudiannya diserahkan kepada Raja Muhammad, salah seorang putera Sultan Mansur Shah yang

sangat dikasihi. Hal ini berlaku kerana peristiwa pembunuhan yang dilakukan oleh Raja Muhammad ke atas anak Tun Perak.

Peristiwa ini berlaku apabila Raja Muhammad yang sedang bersiar-siar terkena bola sepak raga pada destarnya, yang ditendang oleh Tun Besar, anak Tun Perak. Perbuatan yang tidak sengaja itu menimbulkan kemarahan Raja Muhammad lalu Raja Muhammad pun membunuh Tun Besar.

Akibatnya, Sultan Mansur Shah telah membuang negeri putera baginda sendiri dan terhalanglah cita-cita Sultan Mansur Shah untuk melantik Raja Muhammad sebagai Sultan Melaka bagi menggantikan tempat baginda. Dengan itu Sultan Mansur Shah segera memanggil Seri Bija Diraja, wakil Sultan Melaka yang memerintah Pahang menghadap baginda di Melaka.

Baginda menitahkan supaya Seri Bija Diraja membawa Raja Muhammad serta rombongannya ke Pahang dan melantik Raja Muhammad sebagai Sultan Pahang yang pertama pada tahun 1470 dan bergelar Sultan Muhammad Shah. Bagindalah yang memulakan keturunan Kesultanan Melayu Pahang yang berasal daripada Kesultanan Melayu Melaka.

Selepas kemangkatan Sultan Muhammad Shah pada tahun 1475, baginda Sultan Ahmad Shah merasa tidak puas hati kerana ditabalkan sebagai Sultan Pahang oleh paduka ayahanda Sultan Mansur Shah. Perasaan tidak puas hati ini timbul disebabkan sistem kenaikan takhta kerajaan Melaka telah berubah sama sekali.

Baginda merupakan waris Sultan Melaka yang terdekat telah kehilangan giliran menaiki takhta kerajaan Melaka. Tempat baginda diambil alih oleh Sultan Alauddin Riayat Shah pada tahun 1477 (putera Sultan Mansur Shah yang lain). Ketika itu, menjadi Sultan Melaka merupakan idaman setiap putera Sultan Melaka.

Oleh itu, berlakulah permusuhan antara kerabat diraja negeri Melaka dengan kerabat diraja negeri Pahang. Walau bagaimanapun, Pahang diperintah oleh 12 orang sultan daripada keturunan Kesultanan Melayu Melaka.

Nama-nama sultan yang memerintah Pahang ialah Sultan Muhammad Shah, Sultan Ahmad Shah, Sultan Abdul Jalil, Sultan Mansur Shah I, Sultan Mahmud, Sultan Muzaffar, Sultan Zainal Abidin, Sultan Mansur Shah II, Sultan Abdul Jamal, Sultan Abdul Kadir dan Sultan Abdul Ghafur Muhiyuddin Shah.

Selepas kemangkatan Sultan Muhammad Shah, Pahang telah mula menjadi rebutan antara Acheh dan Johor pada awal dan pertengahan kurun Mashi ke-17.

Acheh pada ketika itu menjalankan dasar perluasan kuasa oleh sultannya yang gagah bernama Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam (1614-1636). Baginda bermusuhan ketat dengan Johor dan Pahang kerana membantu Portugis menentang baginda.

Manakala Sultan Johor, Sultan Abdul Jalil Shah III (1623-1677) mengakui bahawa Pahang adalah takluknya dan Sultan Acheh tidak berhak ke atas negeri Pahang. Pahang akhirnya dapat ditakluki oleh Acheh. Tetapi apabila kuasa Acheh semakin lemah selepas kemangkatan Sultan Iskandar Thani (1636-1641), Pahang telah disatukan di bawah empayar Johor yang besar.

Sultan Johor-Riau-Lingga-Pahang telah meletakkan seorang bendahara untuk memerintah Pahang. Bendahara itu dilantik sebagai wakil pemerintah bagi pihak sultan. Sejak itu, Pahang diperintah oleh keturunan keluarga Bendahara Johor.

Bendahara yang akhir sekali memerintah Pahang ialah Wan Ahmad, salah seorang anak Bendahara Tun Ali yang telah memulakan Kesultanan Melayu Pahang.

Pada masa Tun Ali memerintah, Pahang bukan lagi sebahagian daripada Johor-Riau-Lingga yang besar itu kerana pihak Belanda dan British telah membuat perjanjian bahawa pihak British yang sepatutnya mengawasi negeri-negeri Tanah Melayu. British menjadikan Singapura sebagai pusat pemerintahan mereka.

Setelah Bendahara Tun Ali meninggal dunia, jawatan bendahara telah dipegang oleh Tun Mutahir, abang Wan Ahmad. Beliau digelar Seri Maharaja Pahang. Perlantikan itu telah

diterima sebulat hati oleh Wan Ahmad kerana Tun Mutahir ialah pemangku bendahara.

Tetapi Tun Mutahir telah melakukan kesalahan besar. Beliau telah melanggar wasiat ayahanda mereka. Tun Ali telah mewasiatkan supaya semua hasil dari daerah Kuantan dan Endau diberikan kepada Wan Ahmad. Tindakan Tun Mutahir ini membuatkan Wan Ahmad sangat marah. Beliau tahu hanya satu cara yang dapat menyelesaikan masalah itu ialah melalui peperangan.

Peperangan yang berlaku itu dikenali sebagai Perang Saudara Pahang. Dalam peperangan saudara itu, berlaku dua peperangan lain yang dikenali sebagai Perang Endau dan Perang Kuantan. Pada akhir peperangan, Wan Ahmad berjaya mengalahkan abangnya, Wan Mutahir. Akibatnya Wan Mutahir hilang pengaruh dan jawatan bendahara. Ini memberi peluang kepada Wan Ahmad menjadi bendahara dan juga seluruh negeri Pahang jatuh ke tangan beliau. Dengan itu Wan Ahmad diisytiharkan sebagai Bendahara Pahang pada 10 Jun 1863.

Setelah beberapa lama memerintah Pahang, pada 6 Ogos 1882, Bendahara Wan Ahmad memakai gelaran sultan iaitu Sultan Ahmad Shah. Dua tahun kemudian, suatu perisytiharan secara besar-besaran diadakan di Pekan sempena pertabalan Sultan Ahmad. Baginda memakai gelaran Sultan Ahmad Al-Muazzam Shah dan merupakan Sultan Pahang yang pertama daripada keturunan bendahara kerajaan Johor-Riau-Lingga-Pahang.

Beberapa bulan pertama pemerintahan baginda, Pahang masih lagi dipenuhi dengan peperangan. Pada mulanya, berlaku perselisihan faham dengan Temenggung Ibrahim di Johor tentang hak milik beberapa kepulauan di Laut China Selatan.

Selepas itu, Pahang diserang pula oleh anak-anak Allahyarham Tun Mutahir. Mereka mendapat bantuan daripada Tengku Kudin di Selangor.

Baginda terlibat juga secara langsung dalam peperangan saudara di Selangor apabila Wan Ahmad salah seorang anak Tun Mutahir yang juga anak saudara baginda telah dibunuh oleh pihak Raja Mahadi.

Jadi apabila pihak yang menentang Raja Mahadi iaitu Tengku Kudin meminta pertolongan baginda, dengan segera baginda bersetuju. Akhirnya pihak Tengku Kudin yang dibantu oleh orang-orang Pahang mendapat kejayaan.

Pihak Inggeris sentiasa mencari peluang untuk campur tangan di Pahang yang kaya dengan hasil buminya. Akhirnya, peluang itu terbuka apabila mereka mendapat tahu Sultan Ahmad dan adinda Engku Muda Mansur telah bermusuh.

Rancangan Engku Muda Mansur hendak menyerang Sultan Ahmad juga diketahui oleh pihak Inggeris dan dapat dipatahkan oleh mereka.

Sultan Ahmad amat berbesar hati atas pertolongan Inggeris itu. Pihak Inggeris cuba memujuk Sultan Ahmad dengan menghantar Frank Swettenham iaitu Pemangku Residen di Perak supaya memujuk Sultan Ahmad tetapi usaha mereka gagal.

Walau apapun alasan yang diberikan oleh Inggeris, Sultan Ahmad tetap tegas. Kemudian pihak Inggeris telah melantik Hugh Clifford menjadi wakil British di Pahang. Hugh Clifford cuba memujuk Sultan Ahmad.

Akhirnya, Sultan Ahmad bertukar fikiran setelah dipengaruhi oleh Sultan Johor iaitu Sultan Abu Bakar. Pihak Inggeris amat gembira mendengar berita itu.

Dengan itu, pihak Inggeris dengan segera menghantar gabenor ke Pahang untuk membuat perjanjian dengan Sultan Ahmad. Malangnya perjanjian itu tidak dapat ditandatangani kerana pihak Inggeris tidak bersetuju dengan syarat-syarat yang ditetapkan oleh Sultan Ahmad.

Walau bagaimanapun Sultan Ahmad bersetuju menerima Hugh Clifford sebagai wakil kerajaan Inggeris di Pahang. Tetapi Hugh Clifford tidak diberi banyak kuasa dan tugas beliau hanyalah sebagai penasihat sahaja.

Tetapi akhirnya pihak Inggeris berjaya juga memerintah Pahang setelah Sultan Johor sekali lagi masuk campur. Oleh itu pada Oktober 1888, J.P. Rodger diterima sebagai Residen Inggeris yang pertama tetapi beliau mula memegang jawatannya pada 1 Julai 1889.

Adanya residen bererti semua hal pentadbiran dan pemerintahan mesti diberitahu dan dibincangkan terlebih dahulu dengan beliau, melainkan hal-hal yang berkaitan dengan adat resam orang Melayu dan agama Islam.

Tetapi lama-kelamaan Residen Inggeris berjaya mengambil alih tugas dan kuasa sultan, mencampuri hal-hal berkaitan dengan adat resam Melayu dan agama Islam yang mana tidak disukai oleh orang Melayu.

Mulai 1 Julai 1896, Pahang masuk ke dalam era baru bersama-sama dengan negeri Selangor, Perak dan Negeri Sembilan menjadi sebuah gabungan yang dinamakan Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Tindakan ini menimbulkan rasa marah dan penentangan Sultan Ahmad serta orang-orang besar baginda tetapi tidak secara terang.

Perasaan anti Inggeris ini berterusan hingga tahun 1891 apabila seorang pahlawan Melayu iaitu Datuk Bahaman yang bergelar Orang Kaya Semantan mula menentang pihak Inggeris secara terang. Ini menaikkan semangat masyarakat Melayu yang lain. Mereka bangkit menentang pihak Inggeris.

Datuk Bahaman sangat marah kepada Inggeris apabila pegawai-pegawai Inggeris dihantar ke tempat beliau. Pada masa itu Datuk Bahaman berkuasa di Semantan.

Tanpa berunding dengan pihak Inggeris, Datuk Bahaman telah mendirikan balai polis di situ dan mencaci majistret Inggeris di Temerloh. Pihak Inggeris terasa terhina dengan perbuatan Datuk Bahaman itu. Sementara itu, Datuk Bahaman terus memungut cukai di Temerloh. Pihak Inggeris tidak berdiam diri. Akhirnya berlaku pertempuran demi pertempuran antara kedua-dua belah pihak.

Tengku Mahmud, putera Sultan Ahmad yang bakal menjadi sultan terpaksa membantu pihak Inggeris yang diketuai oleh Hugh Clifford untuk menentang Datuk Bahaman.

Baginda terpaksa bersetuju kerana telah menandatangani perjanjian terlebih dahulu. Baginda telah menitahkan orang besar-besar supaya menangkap atau membunuh Datuk

Bahaman yang baginda isytiharkan sebagai penderhaka. Baginda juga memberi amaran kepada rakyat, sesiapa yang didapati menjadi pengikut Datuk Bahaman akan menerima hukuman. Oleh itu ramai pengikut Datuk Bahaman yang menyerah diri. Datuk Bahaman terpaksa melarikan diri ke dalam hutan kerana tidak mahu menyerah diri.

Perjuangan Datuk Bahaman tidak seorang diri. Pahlawan-pahlawan Pahang yang lain seperti Mat Kilau, Tok Gajah dan Mat Lela turut menyokong perjuangan Datuk Bahaman. Namun demikian, pihak Datuk Bahaman kalah juga akhirnya. Jumlah pengikut Datuk Bahaman yang menyerah diri bertambah ramai apabila Sultan Ahmad mengisyiharkan pengampunan beramai-ramai.

Bagaimanapun Inggeris tidak berpuas hati. Mereka mahukan pahlawan Melayu itu menyerah diri. Namun begitu, pahlawan-pahlawan Melayu itu pergi ke Terengganu. Di Terengganu, mereka dibantu oleh Tok Engku Sayid. Beliau banyak memberi semangat kepada pahlawan Melayu itu untuk meneruskan perjuangan mereka.

Hugh Clifford tidak berputus asa. Beliau berazam akan menghapuskan pahlawan-pahlawan Melayu Pahang itu. Beliau terus memburu pahlawan-pahlawan itu hingga ke Terengganu, tetapi usahanya itu gagal.

Setelah memerintah hampir 50 tahun, Sultan Ahmad mangkat pada tahun 1914. Baginda diganti oleh puteranya, Tengku Mahmud sebagai Sultan Pahang yang kedua dan bergelar Sultan Mahmud. Baginda memerintah selama lebih kurang tiga tahun sahaja apabila mangkat pada tahun 1917.

Pengganti baginda ialah adinda baginda iaitu Tengku Abdullah sebagai Sultan Pahang yang ketiga dengan gelaran Sultan Abdullah Al-Mutasim Billah ibni Almarhum Sultan Ahmad. Baginda memerintah selama 15 tahun dan mangkat pada 22 Jun 1932. Baginda digantikan oleh putera baginda iaitu Tengku Abu Bakar.

Baginda bergelar Sultan Abu Bakar Riayatuddin Al-Muazzam Shah. Pada 29 Mei 1933, baginda ditabalkan sebagai Sultan Pahang dengan penuh adat istiadat.

Baginda memerintah dengan aman dan makmur selama lebih kurang lapan tahun apabila tentera Jepun menawan seluruh Tanah Melayu. Selepas Jepun menyerah kalah, British kembali berkuasa di Tanah Melayu. Sultan Abu Bakar tetap menjadi Sultan Pahang.

Baginda memerintah selama 33 tahun berikutnya sehingga baginda mangkat pada 4 Mei 1974. Baginda memerintah selama 41 tahun. Baginda diganti oleh putera baginda, Tengku Ahmad Shah sebagai Sultan Pahang yang kelima bergelar Sultan Ahmad Shah Al-Mustain Billah ibni Almarhum Sultan Abu Bakar sehingga sekarang.



KUANTAN

Kuantan adalah ibu negeri Pahang Darul Makmur. Bandar ini menjadi pusat pentadbiran negeri Pahang. Sebagai pusat pentadbiran negeri, Kuantan mempunyai banyak pejabat kerajaan dan gedung perniagaan yang besar.

Asal usul nama Kuantan dikaitkan dengan suatu cerita. Kira-kira seratus tahun dahulu, ada seorang ahli tasauf berketurunan Arab bernama Syed Abdul Rahman Syed Abdul Samad yang berkampung halaman di Daik, Indonesia. Pada suatu ketika, beliau mengetua i sepasukan pejuang Islam menuju ke Pattani, di selatan Siam. Syed Abdul Rahman pergi ke Pattani untuk membantu ayahnya menentang tentera Siam.

Ketika itu, ayahnya memimpin sepasukan pejuang pembebasan di sana. Bagaimanapun, cita-cita Syed Abdul Rahman pergi ke Pattani untuk membantu ayahnya gagal kerana pasukannya kekurangan anggota serta senjata.

Oleh itu, Syed Abdul Rahman diminta berpatah balik ke Daik. Seorang warisnya dari negeri Siam yang bernama Haji

Senik Abdul Karim telah ditugaskan untuk menghantar pasukan Syed Abdul Rahman pulang ke Daik.

Dalam perjalanan balik dari Johor, rombongan Haji Senik singgah dan berkampung di suatu kawasan yang diberi nama Teruntum. Menurut cerita, nama Teruntum berasal daripada ‘teratai sekuntum’.

Nama itu timbul kerana ketika rombongan Haji Senik sampai, terdapat sekuntum teratai yang mekar indah di situ. Teruntum ialah nama lama bandar Kuantan yang sekarang menjadi ibu negeri Pahang.

Pelabuhan Kuantan terletak tidak jauh dari bandar ini. Ia terletak di Tanjung Gelang. Ia menjadi pusat perdagangan yang penting di pantai timur terutamanya dalam mengendalikan pengeluaran pelbagai hasil negeri Pahang.

Teluk Chempedak merupakan tempat peranginan dan pusat pelancongan yang terkenal di Kuantan. Pasirnya yang putih dan pantainya yang indah menarik ramai pengunjung ke sana.



JERANTUT

Jerantut adalah sebuah daerah yang terkenal dengan sejarah perjuangan menentang penjajahan Inggeris di Pahang. Nama Mat Kilau dan Tok Gajah tidak luput dari bibir penduduk di sini. Jerantut juga terkenal sebagai pintu masuk ke Taman Negara melalui Kuala Tembeling.

Menurut cerita orang tua, nama Jerantut berasal daripada kisah beberapa keluarga orang asli. Keluarga orang asli itu menetap berhampiran dengan anak sungai.

Sungai itu amat jernih airnya dan banyak pula ikan di dalamnya. Tanah di situ juga subur dan mudah untuk mereka bercucuk tanam. Di samping menangkap ikan, mereka juga memburu binatang.

Di kalangan mereka terdapat seorang yang bernama Tut. Tut sangat berani dan disegani oleh penduduk lain. Dia juga seorang yang cekal. Dia tidak pernah mengaku kalah sebelum mencubanya.

Setiap hari mereka pergi berburu. Biasanya mereka berburu sepanjang anak sungai itu kerana di situ terdapat banyak binatang seperti kancil, pelanduk dan rusa yang ingin minum air sungai.

Kawan-kawan Tut hanya berjalan kaki untuk berburu tetapi Tut lebih suka berburu dengan menaiki perahu. Kawan-kawannya tidak berani menaiki perahu untuk berburu kerana terdapat banyak jeram yang deras airnya di sepanjang sungai itu. Untuk melalui kawasan jeram itu, mereka perlu berani dan tangkas. Jika tidak berhati-hati, perahu mereka mudah terbalik. Kawan-kawan Tut berasa lebih selamat berjalan kaki.

Lagipun hasil buruan mereka akan hilang jika perahu mereka terbalik. Mereka tidak mahu pulang dengan tangan kosong. Tut tidak berfikir begitu. Dia merasakan dirinya sudah cukup pakar mengendalikan perahuannya.

Pada suatu hari, seperti biasanya Tut dan kawan-kawannya pergi berburu. Hari itu mereka mendapat banyak hasil buruan. Kawan-kawannya terpaksa mengandar buruan mereka tetapi Tut cuma perlu meletakkan hasil buruannya dalam perahu. Dia hanya perlu mengawal perahuannya apabila menempuh jeram.

Bagaimanapun hari itu, dia kurang bernesib baik. Mungkin kerana perahuannya sarat dengan hasil buruan, dia gagal mengawal perahuannya apabila menempuh sebuah jeram.

Akibatnya, Tut terlanggar batu besar lalu perahuannya pecah dan terbalik. Tut cuba menyelamatkan diri. Oleh kerana airnya deras, dia gagal. Tut terhantuk pada batu-batu tajam di situ. Tut mati di situ juga.

Apabila kawan-kawannya menjumpai mayat Tut, mereka membawanya pulang. Berikutnya peristiwa itu, kawan-kawannya memanggil tempat itu sebagai 'Jeram Tut', sempena nama Tut yang terbunuh di jeram itu. Akhirnya nama 'Jeram Tut' itu bertukar menjadi 'Jerantut' dan kekal sehingga hari ini.

Di Jerantut terdapat banyak kawasan bersejarah dan menarik, antaranya ialah Pulau Tawar. Pulau Tawar adalah sebuah kampung tradisional yang terletak tidak jauh dari bandar Jerantut.

Kampung ini dipercayai salah sebuah kampung yang tertua di Pahang. Banyak peristiwa bersejarah yang berlaku di sini, terutamanya dalam perjuangan menentang penjajahan British.

Nama Pulau Tawar dikatakan berasal daripada nama rotan iaitu 'rotan tawar'. Pada masa dahulu, di Pulau Tawar terdapat banyak pokok rotan tawar. Orang kampung pergi ke situ untuk mencari rotan.

Biasanya pokok rotan itu tumbuh secara berkelompok atau berpulau-pulau. Penduduk tempatan menamakan tempat itu sebagai Pulau Rotan Tawar tetapi lama-kelamaan tempat itu hanya dikenali sebagai 'Pulau Tawar' sahaja dan kekal sehingga hari ini.

Bagaimanapun, ada juga pendapat yang mengatakan asal usul Pulau Tawar dikaitkan dengan kedudukan fizikal tempat itu sendiri. Ia dikelilingi oleh tiga batang sungai seolah-olah tempat itu menjadi sebuah pulau.

Pulau Tawar terletak di pinggir Sungai Pahang dan dilingungi oleh tiga batang anak sungai, iaitu Sungai Cucuk, Sungai Sambing dan Sungai Sambau. Oleh sebab air sungai itu tawar, tidak masin seperti air laut, maka tempat itu dinamakan Pulau Tawar.

Daripada catatan sejarah, Pulau Tawar telah beberapa kali dilawati oleh residen British di Pahang. Hugh Clifford membuat beberapa lawatan ke sana pada tahun 1888.

Frank Sweetenham juga pernah singgah di Pulau Tawar pada tahun 1885. Kedua-dua pembesar Inggeris itu menyusuri Sungai Jelai dan kemudiannya Sungai Pahang dan singgah di beberapa tempat seperti di Penjom, Semantan dan mendarat di Pekan. Sementara itu, pada tahun 1889, Sultan Ahmad telah memindahkan persemayaman baginda dari Pekan ke Pulau Tawar. Segala urusan pentadbiran negeri juga dibawa ke situ.

Semangat kebangsaan Melayu menentang British di Pahang dari tahun 1891 hingga 1895 juga berputik di Pulau Tawar. Penentangan itu dipimpin oleh anak jati kampung itu, Mat

Kilau yang dibantu oleh Tok Gajah. Setelah sekian lama menghilangkan diri kerana diburu, akhirnya pada 26 Disember 1969, Mat Kilau muncul dan membuka rahsia dirinya di masjid Pulau Tawar.

Mat Kilau meninggal dunia pada 16 Ogos 1970 di Kampung Batu 5, Jalan Gambang-Kuantan. Jenazahnya telah dikebumikan di Kampung Kedondong dekat kubur ibunya, Teh Mahada tidak berapa jauh dari kampung asalnya, Pulau Tawar.



KUALA LIPIS

Kuala Lipis, bekas ibu negeri Pahang adalah bandar bersejarah di negeri ini. Di bandar ini masih kelihatan pelbagai kesan peninggalan pentadbiran penjajahan Inggeris, khususnya bangunan lama yang unik. Kuala Lipis yang terletak di tempat pertemuan Sungai Lipis dan Sungai Jelai mempunyai latar belakang sejarah yang dapat dibanggakan. Ia adalah antara tempat yang mula-mula didiami oleh orang-orang di Pahang.

Sebelum tahun 1889, ia terkenal sebagai pusat dagangan pelbagai barang termasuk emas, jelutung serta lain-lain hasil hutan. Pada tahun 1898, Kuala Lipis menggantikan Pekan sebagai ibu negeri Pahang. Bagaimanapun pada 27 Ogos 1955, ibu negeri Pahang berpindah ke Kuantan hingga sekarang.

Sebagai bandar utama ketika itu, penjajah Inggeris menjadikannya sebagai pusat pentadbiran di Pahang serta menubuhkan sekolah menengah yang pertama di Anglo Chinese School yang kemudiannya bertukar nama menjadi Sekolah Menengah Clifford pada tahun 1929.



KUALA SEMANTAN

Kuala Semantan adalah nama lama bagi bandar Temerloh. Bandar ini mempunyai banyak tinggalan sejarah kerana telah melahirkan pejuang-pejuang yang menentang penjajahan Inggeris iaitu Datuk Bahaman.

Kuala Semantan terletak di pinggir Sungai Pahang. Sejak tahun 1800 lagi, Kuala Semantan menjadi tempat persinggahan serta pelabuhan kecil bagi penduduk kampung yang tinggal di persisiran Sungai Pahang dari Kuala Karu, Kerdau, Bangau, Lubuk Terua hingga ke Chenor.

Menurut cerita, asal usul nama Semantan dikaitkan dengan seorang lelaki bernama Seman Tahan. Pada masa itu, Seman Tahan mempunyai beberapa buah perahu kajang yang digunakan untuk membawa muatan seperti rotan, damar dan getah dari penduduk kampung untuk dijual kepada taukeh-taukeh Cina di kuala sungai.

Oleh sebab orang ramai sering menyebut Seman Tahan atau perahu Seman Taha, akhirnya tempat di mana perahunya

sering menunggu di kuala sungai itu dinamakan 'Kuala Semantahan' tetapi akhirnya perkataan itu bertukar menjadi Kuala Semantan sahaja.

Kuala Semantan akhirnya menjadi pelabuhan kecil bagi penduduk di pinggir Sungai Pahang. Sebagai kawasan yang menjadi tumpuan penduduk, Kuala Semantan berkembang dengan pesatnya.

Dari segi sejarah Kuala Semantan, dikatakan tempat Datuk Bahaman mengatur angkatannya untuk menawan rumah-rumah stor di Balai Polis di Lubuk Terua. Sungai Semantan juga pernah menjadi medan pertempuran yang sengit pada waktu itu antara orang Datuk Bahaman dan pihak Inggeris.

Kejayaan Datuk Bahaman mengalahkan pasukan Inggeris di Sungai Semantan membangkitkan semangat berani orang-orang Melayu di Semantan menentang penjajah British.



CAMERON HIGHLANDS

Cameron Highlands ialah bukit peranginan yang terbesar di Malaysia. Dengan ketinggian 1,524 meter dari paras laut, udara di sini sentiasa segar dan sejuk. Keadaan suhunya hampir sama dengan keadaan di negara-negara yang beriklim sejuk.

Jauhnya dari Kuala Lumpur ialah 229 kilometer dan 61 kilometer dari Tapah, Perak. Tiga bandar utama yang terkenal di Cameron Highlands ialah Ringlet (1,200 meter) dari paras laut, Tanah Rata (1,400 meter) dan Brincang (1,500 meter). Tanah Rata ialah bandar yang terbesar dan utama bagi Cameron Highlands.

Bukit peranginan ini ditemui oleh William Cameron pada tahun 1885 dan dimajukan pada tahun 1932. Cameron Highlands dan kawasan sekitarnya pertama kali diterokai secara rasmi pada tahun 1908 oleh dua orang pengkaji botani bangsa Eropah iaitu H.C. Robinson dan C. Boden Kloss. Sebelum itu, kemungkinan besar orang-orang asli dan orang Melayu telah sampai ke situ untuk mencari rotan, memburu dan sebagainya.

Usaha penerokaan oleh Robinson dan Kloss itu sebenarnya dilakukan kerana ingin memastikan kebenaran suatu laporan penerokaan oleh seorang juruukur Inggeris bernama William Cameron yang meneroka Banjaran Besar selama hampir enam bulan bermula pada bulan Februari 1885. Dalam laporannya, Cameron menyebut bahawa dia telah sampai ke suatu tempat bernama Ulu Telom dan telah melihat suatu kawasan tanah pamah tinggi yang dikelilingi oleh gunung dan bukit yang landai.

Maka apabila kawasan tanah pamah ini dibuka sebagai tempat bercuti, orang-orang Inggeris dan orang-orang barat lain menamakan tempat itu Cameron Highlands, sempena nama William Cameron.

Cameron Highlands terkenal dengan ladang-ladang teh, buah-buahan dan sayur-sayurannya. Selain itu ia juga terkenal dengan pelbagai jenis bunga seperti ros, kekwa, teluki, carnation, bunga matahari dan sebagainya.

Bunga adalah salah satu hasil keluaran utama Cameron Highlands selepas teh dan sayur-sayuran. Terdapat kira-kira 35 jenis sayur-sayuran yang ditanam di sini seperti kobis, terung, timun, kailan, tomato, lada dan asparagus. Di Brincang, terdapat ladang teh yang terbesar di Malaysia seluas 4,800 hektar.

Pesta bunga diadakan di Cameron Highlands setiap tahun. Pada masa ini, terdapat 600 hektar ladang bunga di Cameron Highlands. Di sini terdapat 600 jenis ros dengan 200 warna yang menarik, antara jenis yang terkenal ialah 'kiss of fire', 'halloha' dan 'Queen Elizabeth'. Selain dari pokok teh dan bunga, pengunjung juga dapat melihat pokok epal dan strawberi.

Kini Cameron Highlands terus kekal sebagai pusat peranginan yang unik kerana selain dapat berehat sambil menghidu udara yang nyaman dan segar pengunjung juga boleh melihat pelbagai jenis tanaman yang diusaha secara besar-besaran.



MUZIUM SULTAN ABU BAKAR

Muzium Sultan Abu Bakar terletak berhadapan dengan Sungai Pahang di bandar diraja Pekan, Pahang. Muzium ini menyimpan pelbagai koleksi barang-barang purba, matawang, pakaian tradisional, barang-barang permainan tradisional dan sebagainya.

Balai Pameran Diraja merupakan salah satu daripada balai-balai pameran di muzium ini yang menempatkan alatan diraja Pahang seperti barang-barang perhiasan diraja, pakaian-pakaian rasmi Almarhum Sultan Abu Bakar, tanjak-tanjak, keris dan segala pingat kebesaran yang diperolehi oleh sultan-sultan Pahang.

Sebuah rumah perahu yang digunakan oleh Almarhum Sultan Abu Bakar sebagai kenderaan rasmi baginda untuk melawat kawasan pedalaman Pahang dan juga sebagai kegunaan sewaktu keramaian turut dipamerkan.

Muzium Sultan Abu Bakar dicadangkan penubuhannya oleh Allahyarham Tun Abdul Razak di suatu perhimpunan

dengan orang ramai di Pekan sewaktu banjir besar melanda pada tahun 1970.

Sebenarnya bangunan Muzium Sultan Abu Bakar ini pada asalnya adalah sebuah istana, iaitu Istana Kota Beram.

Mengikut Sejarah Melayu, istana ini mendapat namanya apabila Tun Teja yang ditunangkan dengan Sultan Abdul Jamil dilarikan oleh Hang Nadim ke Melaka. Baginda menjadi murka lalu menunggang gajah (beram) bernama Kepenyang dan melanggari tiang balairung istana baginda. Peristiwa itu berlaku sewaktu kegemilangan pemerintahan Kesultanan Melaka.

Apabila kerajaan Inggeris mula menguasai Tanah Melayu, istana ini telah dijadikan oleh mereka sebagai sebuah 'rumah' dua tingkat dan digunakan sebagai tempat kediaman residen.

Apabila ibu negeri Pahang dipindahkan daripada Pekan ke Kuala Lipis dalam tahun 1898, istana ini telah dijadikan tempat persinggahan oleh J.P. Rodger, residen Inggeris di Pahang pada waktu itu apabila beliau menjalankan tugas di Pekan.

Pada tahun 1929, istana tersebut telah digantikan dengan bangunan batu. Apabila pihak tentera Jepun menakluki Tanah Melayu, mereka menggunakan其作为 markas mereka.

Almarhum Sultan Abu Bakar mengambil alih istana ini pada tahun 1948 dan baginda menjadikannya sebagai istana rasmi baginda bagi menggantikan Istana Seri Terentang. Istana ini diberi nama 'Istana Kota Beram'.



BANGUNAN KELAB PAHANG

Bangunan Kelab Pahang adalah bangunan kerajaan yang pertama di Kuala Lipis. Bangunan ini dibina khusus sebagai kediaman residen British yang pertama, Sir Hugh Clifford yang pada waktu itu menjadi Penguasa Ulu Pahang. Tidak lama kemudian, apabila kediaman residen yang baru siap, rumah itu diambil alih oleh Inspektor Polis British.

Pada tahun 1926, bangunan ini menjadi kelab khas untuk pegawai serta orang British yang lain. Bagaimanapun, pada tahun 1957 syarat keahlian dilonggarkan untuk orang tempatan.



TASIK CINI

Tasik Cini merupakan tasik air tawar semulajadi yang terbesar di Semenanjung Malaysia dengan keluasan lebih kurang 150 hektar. Di tasik ini pengunjung akan terpegun dengan keindahan semulajadi terutamanya ribuan pohon teratai yang sedang berkembang berwarna merah jambu terapung-apung memenuhi tasik, khasnya Laut Melai yang dikenali sebagai Taman Teratai.

Ia telah dikenalpasti sebagai kawasan mengastua yang telah dimajukan bagi tujuan pelancongan. Kawasan seluas 5,078 hektar telahpun diwartakan sebagai rezab awam bagi tujuan pelancongan.

Menurut kajian, terdapat 200 spesies burung dan 240 spesies ikan di sekitar tasik yang kaya dengan keindahan alam semulajadi ini.

Tasik Cini terdiri dari 13 rangkaian tasik yang dipanggil 'laut' oleh penduduk tempatan dan antara yang terbesar ialah Laut Gumun, Laut Jerangking, Laut Melai dan Laut Jemberau.

Kawasan sekeliling Tasik Cini berbukit-bukit. Bukit-bukit itu berderetan dengan bentuk yang menyerupai belakang seekor naga. Gunung Cini yang ketinggiannya melebihi 800 meter diseliputi oleh hutan tebal.

Tasik Cini terletak lebih kurang 130 kilometer dari bandar Kuantan dan 80 kilometer dari Temerloh. Ia boleh dihubungkan melalui dua jalan. Jalan darat melalui Lebuh Raya Tun Abdul Razak dengan bandar Cini dan jalan air, melalui Sungai Pahang dan Sungai Cini dari Kampung Belimbing.

Sejarah awal Tasik Cini ditulis oleh Dr. W. Linehan di dalam sejarah Pahang. Beliau mengatakan ada kesan pemerintahan di Tasik Cini.

Di Tasik Cini dipercayai terdapat kesan kerajaan yang wujud pada awal 1400-an. Ada yang mengatakan kerajaan itu milik Bendahara Abdul Jalil bapa Tun Teja.

Walau bagaimanapun, ada ahli sejarah yang mengatakan pemerintah Cini pada masa dahulu ialah seorang raja yang bergelar 'Permaisuri'. Menurut catatan Cina, kerajaan itu wujud pada tahun 1411 dan terletak di tepi sebuah teluk dalam Tasik Cini.

Dalam tulisan Cina ada disebutkan 'Pa-la-mi-so-la-ta-lo-si-ni' yang bermaksud 'Permaisuri Tasik Cini'. Walau bagaimanapun, nama itu mungkin juga merujuk kepada Parameswara Raja Melaka.

Kewujudan Tasik Cini mempunyai ceritanya sendiri. Pada masa dahulu, sekitar kawasan tasik itu adalah hutan. Menurut cerita, sekumpulan orang asli meneroka kawasan itu. Semasa mereka membersihkan kawasan itu untuk bercucuk tanam, datang seorang perempuan tua.

Perempuan tua itu mendakwa kawasan itu adalah miliknya. Mereka tidak boleh meneroka kawasan itu tanpa kebenaran daripadanya. Oleh itu, ketua orang asli itu meminta perempuan tua itu memberangkan mereka bercucuk tanam di situ.

Akhirnya, perempuan itu bersetuju dengan syarat jangan mencabut tongkat yang dicacakkan di tengah-tengah kawasan itu. Jika mereka engkar, sesuatu yang buruk akan berlaku. Kumpulan orang asli itu akur dengan kehendak orang tua itu.

Pada suatu hari, seorang penduduk terkejut apabila sebatang kayu yang mereka takik mengeluarkan darah. Keadaan itu diceritakan kepada rakan-rakannya tetapi mereka tidak percaya. Setelah mereka menikam sendiri kayu itu dengan lembing, barulah mereka percaya dengan cerita rakannya tadi.

Oleh sebab terlalu banyak tikaman di kayu itu, maka turunlah hujan dengan lebat dan diikuti oleh guruh dan petir sabung-menyalung. Mereka berasa takut dan lari bertempiaran untuk menyelamatkan diri. Akibatnya mereka terlanggar tongkat yang dicacakkan oleh perempuan tua itu dahulu.

Sebaik sahaja tongkat itu tercabut, air segera memancut keluar dari lubang bekas cacakan tongkat itu. Dalam sekilip mata, seluruh kawasan itu telah dibanjiri air. Ramai yang mati lemas. Dengan itu tempat itu terus menjadi tasik yang luas dan disebut Tasik Cini.

Selain itu, keindahan Tasik Cini tidak dapat dihindarkan dengan kisah seekor buaya. Menurut cerita, buaya Tasik Cini itu telah tenggelam bersama-sama Puteri Cini dan istana kerajaan Raja Champa iaitu Puteri Zubaidah yang berkahwin dengan Sultan Zainal Abidin, anak kepada Bendahara Abdul Jalil.

Di samping itu, ada juga cerita yang mengatakan bahawa buaya itu telah pun mati di tengah Laut Cina Selatan kerana bertempur dengan seekor buaya lain 'Seri Mahang' di tasik itu. Seri Mahang adalah seekor buaya yang amat besar. Pada waktu yang sama, ada seekor buaya lagi di Pulau Aur bernama 'Seri Kemboja'. Seri Kemboja adalah seekor buaya yang handal dan tidak pernah dikalahkan oleh buaya lain.

Apabila Seri Mahang mendengar tentang kehandalan Seri Kemboja, dia mengambil keputusan untuk beradu tenaga. Setelah memilih waktu yang sesuai, Seri Mahang pun keluar dari Tasik Cini menuju ke Pulau Aur.

Apabila sampai ke Kuala Pahang, Seri Mahang menjelma menjadi lelaki tua. Dari situ dia menumpang orang menaiki perahu yang hendak pergi ke Pulau Aur. Sebaik sahaja sampai ke Pulau Aur, orang tua itu terus terjun ke dalam laut dan bertukar kembali menjadi buaya putih. Di suatu tempat tidak jauh dari Sedili Kecil, Seri Mahang pun menyeru Seri Kemboja.

Apabila mereka bertemu, maka berlakulah pertempuran yang hebat. Dalam pertarungan itu Seri Mahang telah tercedera dan meminta pertarungan itu disambung pada hari yang lain. Seri Mahang pulang semula ke Kuala Pahang.

Bagaimanapun Seri Mahang mati setelah sampai di Kuala Pahang di tempat bernama Sekukuh. Menurut cerita, ia dikebumikan di suatu kawasan berpasir di Sekukuh. Makam itu dipanggil 'Makam Tok Panjang'.



HUTAN LIPUR LENTANG

Hutan Lipur Lentang terletak di tepi Lebuh Raya Karak-Kuala Lumpur, iaitu 61 kilometer dari Kuala Lumpur dan 16 kilometer dari bandar Bentong.

Kehijauan hutan hujan tropika yang berusia lebih daripada 130 juta tahun ini sentiasa tenang dan damai. Dengan air jeram dan lata yang mengalir deras serta sejuk airnya, pengunjung dapat merasakan suatu suasana yang mengasyikkan, tambahan pula dihiasi dengan beberapa jambatan dan jambatan gantung yang membuatkan pengunjung terus meneroka ke dalam kawasan hutan seluas 235 hektar ini.

Persekutuan Hutan Lipur Lentang ini sesuai untuk perkhemahan. Di sini terdapat beberapa kumudahan seperti bilik air, rumah rehat, gerai makanan dan tempat letak kereta.



HUTAN LIPUR CHAMANG

Hutan Lipur Chamang terletak kira-kira 8 kilometer dari bandar Bentong. Kawasan air terjun yang luas dan bertingkat-tingkat ini memang cantik dan menarik. Airnya dingin tetapi tidak digalakkan mandi-manda kerana batubatunya licin. Kawasan air terjun di sini dianggap berbahaya kerana kedudukannya yang tinggi dan aliran airnya deras.

Di bahagian bawah air terjun ini terdapat sebuah kolam yang agak luas dan tidak begitu dalam. Di sini terdapat batu-batu kecil pelbagai bentuk dan warna. Asal usul nama Chamang dikatakan berasal daripada nama seorang asli yang tinggal di tempat itu pada suatu ketika dahulu iaitu Batin Luek Chamang.



RUMAH RESIDEN

Rumah residen British terletak di atas bukit dan dapat melihat pemandangan seluruh bandar Kuala Lipis, bekas ibu negeri Pahang. Bangunan itu dibina pada tahun 1922. Pada tarikh itu Sir Hugh Clifford, residen Inggeris yang pertama di Pahang tinggal di rumah itu sehingga Jepun menakluki Tanah Melayu.

Pada tahun 1945, apabila British kembali menguasai negeri ini, ia didiami kembali oleh Sir Hugh Clifford sehingga tahun 1955 apabila ibu negeri Pahang berpindah ke Kuantan.

Pada tahun 1958, rumah itu kosong selama tiga tahun. kemudian ia dijadikan asrama untuk murid lelaki Melayu yang belajar di Sekolah Menengah Clifford. Bagaimanapun, ia ditutup pada tahun 1965 dan keadaannya terbiar sehingga kerajaan negeri mengambil keputusan menjadikannya rumah persinggahan serta muzium.

Hasilnya pada 11 April 1984, rumah persinggahan dan muzium itu siap. Muzium itu mengandungi pelbagai bahan peninggalan sejarah negeri Pahang serta sejarah Kuala Lipis.



RUMAH KELAHIRAN TUN ABDUL RAZAK

Kampung Pulau Keladi adalah antara kampung tertua di daerah Pekan selain Kampung Mengkasar, Kampung Parit dan Kampung Benta. Ia terletak kira-kira lima kilometer dari bandar diraja Pekan dalam mukim Langgar yang berhampiran dengan Sungai Pahang.

Pulau Keladi dibahagikan kepada dua buah kampung kecil iaitu Kampung Medangsa dan Kampung Pulau Keladi. Kampung itu dipercayai dibuka oleh dua orang saudagar iaitu Wan Ahmad (Tuk Wan Patani) dan Juragan Mahmud.

Asal usul nama kampung itu dipercayai daripada nama pokok keladi. Menurut cerita, pada masa dahulu kawasan itu banyak ditumbuhi pokok keladi. Dalam banyak-banyak pokok keladi itu ada sebatang pokok keladi yang besar.

Pada zaman dahulu, saudagar-saudagar lebih berminat melabuhkan kapal mereka di kawasan pedalaman. Ini adalah kerana kapal besar boleh melalui sungai-sungai yang dalam lagi luas itu daripada melabuhkannya di muara sungai yang sentiasa bergelombang.

Saudagar-saudagar itu kemudiannya mencari kawasan yang sesuai untuk membuat penempatan sementara dan ada juga yang terus menetap bersama keluarga di situ disebabkan kegiatan perniagaan yang semakin berkembang.

Banyak rumah mula dibina daripada pohon-pohon hutan, nibung, buluh dan nipah. Rumah yang dibina secara pasak itu bertiangkan pokok kayu yang ditarah dengan parang, manakala pelantar dapur menggunakan batang nibung dan buluh yang diawet secara merendamkannya di dalam sungai.

Bentuk rumah yang dibina ketika itu, kini kekal sebagai rumah tradisi Melayu Pahang sehingga sekarang. Salah sebuah rumah yang didirikan di Kampung Keladi ialah rumah yang dibina oleh Allahyarham Haji Daud Abdul Rahman bersama isterinya Nurita Sulaiman.

Rumah itu kemudiannya didiami pula oleh Tuk Hussein Mohd Taib yang bergelar Orang Kaya Indera Shah Bandar ke-9 bersama isterinya Hajah Fatimah Haji Daud.

Di rumah inilah Perdana Menteri Kedua Malaysia, Allahyarham Tun Abdul Razak bin Hussain dilahirkan pada 23 April 1927.

Rumah itu sekarang telah diambil alih oleh Muzium Negeri Pahang pada April 1986. Ia dibina semula mengikut bentuk asalnya, walaupun bahan binaannya terpaksa digabungkan dengan bahan moden.

Pembinaan semula rumah tempat lahir Tun Abdul Razak itu adalah sebagai mengingati jasa pemimpin itu dan untuk dihayati oleh generasi akan datang dan juga memperkenalkan seni bina tradisional.

Rumah berkenaan dibina semula dengan menggunakan kayu cengal secara pasak bagi mengekalkan keaslian rumah Melayu Pahang. Seperti rumah tradisi lain di Pahang, rumah ini merangkumi tiga bahagian iaitu serambi, ibu rumah dan dapur. Di bahagian dalamnya dipamerkan koleksi Tun Razak terutamanya gambar-gambar yang dirakamkan kegiatan Allahyarham Tun Razak dalam pelbagai bidang.

Pengunjung juga dapat melihat sendiri katil Allahyarham Tun Razak tidur semasa kecil. Perkakas lain seperti dapur kayu, periuk, cerek tembaga, tapis dan nyiru disusun di ruang dapur. Rumah itu dibuka pada pelawat dari jam 8 pagi hingga 6 petang setiap hari.



GUA KOTA GELANGGI

Negevi Pahang mempunyai banyak tinggalan sejarah yang unik. Salah satu daripadanya ialah Gua Kota Gelanggi. Gua Kota Gelanggi terletak kira-kira 25 kilometer dari bandar Jerantut.

Gua Kota Gelanggi sebenarnya mengandungi beberapa buah gua yang dikenali di dalamnya iaitu Kota Tongkat, Kota Kepayang, Kota Rehut, Kota Gelap, Kota Angin, Kota Jin dan Kota Balai.

Bagi penduduk tempatan, Gua Kota Gelanggi sering dikaitkan dengan orang bunian dan Sang Kelembai. Kini terdapat pelbagai bentuk batu yang menyerupai manusia bersanding, ular, singa dan sebagainya di sekitar gua itu. Semuanya dikaitkan dengan sumpahan Sang Kelembai, sejenis makhluk yang mempunyai kuasa sakti menyumpah benda menjadi batu.

Kota Gelanggi yang dikatakan tempat tinggal manusia zaman purba. Daripada kajian yang dijalankan oleh pihak Muzium Negara dalam tahun 1981, terdapat bukti yang

menunjukkan bahan-bahan di Kota Gelanggi adalah tinggalan zaman yang telah wujud mengikut tamadun purba.

Bahan-bahan seperti tembikar, siput moluska dan alat-alat penggunaan zaman purba telah ditemui bertaburan di celah-celah timbunan batu. Bagaimanapun, ada pengkaji sejarah yang mengatakan Kota Gelanggi pada masa dahulu adalah sebuah negeri yang besar.

Gua Kota Gelanggi juga dipercayai tempat persembunyian Maharaja Dewa Sura ketika diburu oleh angkatan Melaka pada abad ke-15.

Selain itu, ia dikatakan sebuah tempat perlindungan dan tempat bertapa bagi pahlawan Melayu seperti Mat Kilau dan Tok Gajah ketika menentang penjajah Inggeris di Pahang suatu ketika dahulu.

Dalam tahun 1882, Bendahara Wan Ahmad telah berangkat melawat ke merata tempat dalam negeri Pahang. Dalam lawatan itu, Bendahara Wan Ahmad telah melawat Kota Gelanggi.

Pendapat ahli sejarah mengatakan asal usul nama 'Gelanggi' itu berasal daripada perkataan Siam 'Klang Kio' atau 'Gelang Gio'.

Sebelum kemaraan Majapahit, Siam adalah saingan yang mempengaruhi kerajaan Melayu, khususnya di persisiran Sungai Tembeling. Kegiatan melombong bijih timah, besi dan emas di Pahang menimbulkan minat Siam untuk datang ke kawasan berkenaan.

Ada juga pendapat mengatakan, nama Kota Gelanggi itu mungkin juga berasal daripada perkataan 'Genggau' iaitu sebuah negeri besar, berkota batu hitam yang disebut dalam buku Sejarah Melayu karya Tun Seri Lanang.

Bagaimanapun apabila berlaku perubahan tulisan jawi ke rumi, huruf 'ga' bertukar menjadi 'kaf' dan Ganggau menjadi Klang Kio.

Walaupun Winstead, seorang ahli sejarah Inggeris cuba mengaitkan Ganggau sebagai 'Lenggu' di hulu Sungai Johor,


namun masih ada beberapa orang pengkaji mengatakan Kota Gelanggi adalah tempat sebagai rujukan 'Ganggau' seperti yang tercatat dalam Sejarah Melayu.

Ahli sejarah tempatan, Datuk Zakaria Hitam dalam beberapa tulisannya, tentang sejarah Pahang pula berpendapat bahawa Kota Gelanggi mungkin pada suatu ketika dahulu adalah sebuah pulau di lautan kerana ditemui siput laut di situ.

Selain itu, Kota Gelanggi juga terkenal dengan kisah lagendanya. Menurut cerita, pada masa dahulu kawasan itu diperintah oleh Raja Gelanggi yang mempunyai seorang puteri yang cantik.

Anak Raja Mambang dari Lipis dikatakan jatuh cinta dan melamar puteri itu dan diterima oleh Raja Gelanggi. Bagaimanapun anak Raja Usul dari Bera bertemu anak Raja Gelanggi ketika berburu di kawasan Kota Gelanggi dan mereka berdua saling jatuh cinta dan bersetuju untuk berkahwin.

Hal ini diketahui oleh anak Raja Mambang dan menimbulkan kemarahaninya sehingga tercetusnya pergaduhan antara anak Raja Mambang dengan anak Raja Usul. Setelah beberapa lama berperang, akhirnya anak Raja Mambang dari Lipis mati dibunuh oleh anak Raja Usul dari Bera. Puteri Gelanggi pun berkahwin dengan anak Raja Usul.



BUKIT FRAZER

Bukit Frazer adalah destinasi pelancongan pergunungan yang terkenal. Selain keadaan sekelilingnya yang nyaman dengan dipenuhi bukit-bukau dan pohon menghijau, suasana di puncak bukit setinggi 1,524 meter dari paras laut itu sentiasa segar dan sejuk.

Kebanyakan bangunan yang terdapat di Bukit Frazer bermirip reka bentuk '*English Countryside*' kerana pembinaannya bermula sejak lama dahulu, kini menjadi bangunan antik.

Salah satu daripada keistimewaan Bukit Frazer ialahkekayaan unsur-unsur sejarahnya yang bermula sejak 1890-an. Nama Bukit Frazer dikatakan diambil sempena nama seorang pengembara Inggeris yang bernama Louis James Frazer.

Pada akhir kurun ke-19, pengembara itu dikatakan membina pondok di puncak bukit sebagai tempat tinggal sementaranya. Menjelang awal kurun ke-20, pengembara itu hilang menyebabkan Bishop Ferguson Davie dari Singapura pergi ke bukit itu untuk mencari Frazer pada tahun 1910.

Dalam pencarian itu, dia tidak menemui Frazer sebaliknya mendapati bukit itu amat sesuai sebagai tempat persinggahan sehingga bukit itu akhirnya menjadi destinasi pelancongan terkenal di negara ini.

Kerja menjadikan puncak Bukit Frazer sebagai tempat peranginan bermula pada tahun 1919. Tempat peranginan itu kini menjadi tumpuan pelancong dalam dan luar negeri yang inginkan suasana sejuk dan nyaman.

MAKAM LUBUK PELANG

Sungai Pahang mempunyai banyak kesan sejarah. Di antaranya ialah **Makam Lubuk Pelang**. Makam ini terletak berhampiran Kampung Jerangsang. Berhampiran dengan lubuk itu terdapat sebuah bukit tinggi. Di atas bukit ini terdapat tiga buah makam yang berhampiran antara satu dengan lain.

Tiga makam ini berkepala ke Sungai Pahang dengan dua daripadanya di hadapan dan satu di hujung kaki dua makam itu. Makam itu ialah makam Sultan Abdul Jamil dan Datuk Budiman, adindanya, serta Puteri Buluh Betong, permaisuri Sultan Abdul Jamil.

Kemangkatan mereka dikaitkan dengan serangan Acheh dalam tahun 1617. Menurut cerita, kawasan itu merupakan sebuah tempat yang besar pada kurun ke-17.

Pada masa itu, Sultan Abdul Jamil memerintah Pahang dan ada seorang batin di Sungai Tekam, kira-kira 8 kilometer dari Lubuk Pelang telah mendapat seorang puteri yang berdarah putih dari dalam buluh betong.

Baginda dan rombongannya memudik ke hulu Sungai Pahang dan berkhemah sementara di hulu Sungai Karau. Pada masa itu musim durian. Biji-biji durian yang dimakan oleh rombongan itu dibuangkan begitu sahaja. Akhirnya, banyak pokok durian tumbuh. Apabila musim durian berbuah, durian-durian itu gugur dengan banyaknya hinggakan gajah-gajah yang lalu pun mati dihempap durian yang gugur. Tempat itu sekarang dikenali sebagai Kampung Durian Gajah Mati.

Akhirnya angkatan baginda berhenti di Lubuk Pelang dan mendapati pemandangan di kawasan itu sangat menarik hati. Lebih-lebih lagi terdapat sebuah bukit yang berhampiran dan sesuai untuk pembinaan istana. Akhirnya baginda membina sebuah istana kerana tempat itu strategik dari segi keselamatan kerana boleh memandang ke hulu dan hilir sungai sekaligus.

Sementara itu, angkatan baginda memudik hingga ke Sungai Tekam mencari batin. Setelah bertemu batin dan Puteri Buluh Betong, mereka dibawa ke istana di Lubuk Pelang dan kemudiannya dikahwinkan dengan Sultan Abdul Jamil.

Menurut cerita, kegemaran Puteri Buluh Betong ialah segala permainan daripada binatang yang berbulu putih. Gajah putih baginda bernama Si Pembuluh yang memberi pertolongan kepada penduduk di situ. Ia menyedut dan menyiram air dari sungai ke sawah dan air itu juga dapat menghindarkan padi daripada serangan ulat-ulat.

Terdapat juga buaya putih permaisuri yang dinamakan Si Bujang Panau yang bertugas mengawal kawasan perairan. Terdapat seekor ular iaitu Sawa Cindai yang paling baginda sayangi. Panjang ular itu dikatakan separuh lebar Sungai Pahang. Makanannya ialah seekor kambing sehari. Ular itu tinggal di sungai dan tidur di pangkal pokok ara di Bukit Pelang.

Pada suatu hari, si Sawa Cindai terlewat diberi makan. Ketika sebuah perahu melintas, perahu itu disondolkan lalu karam. Setelah berita itu diketahui oleh Sultan Abdul Jamil dan baginda memanggil beberapa orang nujum meniliknya untuk membunuh ular itu tetapi mereka gagal berbuat demikian.

Malam tersebut baginda bermimpi datang seorang wali kepada baginda menyatakan hanya barang yang di dalam simpanan, permaisuri sahaja dapat membunuh ular itu. Tujuh helai benang yang lahir bersama permaisuri ke dunia diberikan kepada baginda apabila baginda memintanya.

Datuk Budiman ditugaskan menjerat leher ular itu yang menyerah apabila dipanggil. Akhirnya, Datuk Budiman berjaya membunuh ular itu. Kemudian, baginda menitahkan agar ular itu ditarik ke hilir sungai untuk ditanam di beting pasir.

Sementara itu, Datuk Ahmad bersama pengikutnya menghilir Sungai Pahang menuju ke Pekan dan seterusnya ke Aceh. Di Aceh, Datuk Ahmad menghadiahkan baginda Mahkota Alam yang memerintah Aceh ketika itu sehelai rambut Puteri Buluh Betong ketika baginda menyambut ulang tahun keputeraan baginda.

Akibatnya baginda Mahkota Alam tertarik dengan Puteri Buluh Betong. Baginda dan rombongannya datang ke Pahang untuk merebut Puteri Buluh Betong.

Bersama baginda dibawa tiga pasang batu nisan dari Aceh yang diperbuat daripada batu yang dipahat. Baginda berpesan jika baginda tewas dalam peperangan itu, hendaklah dimakamkan di Pahang. Nisan itu hendaklah menjadi tanda supaya keturunan baginda dapat mengesannya nanti.

Jika Sultan Abdul Jamil yang mangkat akibat dari peperangan itu, baginda akan dimakamkan dengan batu nisan yang dibawanya.

Dalam peperangan itu, orang-orang Aceh berkubu di seberang sungai bertentangan dengan istana Sultan Abdul Jamil. Mereka membina kubu di Sungai Burung. Pada masa ini, terdapat kesan kawah orang-orang Aceh memasak makanan di kawasan itu.

Setelah peperangan itu tamat, Sultan Abdul Jamil tewas di tangan Seri Mahkota Alam. Datuk Budiman turut terbunuh. Dengan itu, Puteri Buluh Betong mengambil keputusan untuk membunuh diri.

Sebelum membunuh diri, Puteri Buluh Betong berpesan agar dimakamkan di sisi baginda Sultan Abdul Jamil dan Datuk Budiman. Belum sempat baginda membunuh diri, pergelutan berlaku. Pedang Mahkota Alam dengan tidak sengaja menikam jantung puteri. Mengalirlah darah putih.

Jenazah Sultan Abdul Jamil dan Datuk Budiman dimakamkan berhampiran, kepala mereka menghadap ke Sungai Pahang. Sultan Abdul Jamil di sebelah kanan dan Datuk Budiman di sebelah kiri baginda.

Puteri Buluh Betong dimakamkan di hujung kaki mereka. Tiga pasang batu nisan yang dibawa dari Aceh masih diabadikan sehingga hari ini.

TAMAN RIMBA KENONG

Taman Rimba Kenong terletak di lembah di antara Sungai Kenong dan Sungai Kesong. Lembah Kenong ini meliputi kawasan seluas 128 kilometer persegi dengan mencecah sempadan utara dan timur Taman Negara. Di Taman Rimba Kenong, pengunjung dapat melihat fauna dan floranya yang belum terusik, air terjun dan anak-anak sungai yang jernih. Di samping itu pengunjung dapat memanjat bukit-bukit batu, meneroka gua-gua batu kapur, meredah sungai, memancing dan berkhemah.

Menurut legenda penduduk tempatan, sebuah sampan membawa pesuruh raja dari Pekan telah terbalik di sini dan bertukar menjadi Gua Batu Tinggi. Gua batu ini yang juga dikenali sebagai 'Batu Kajang'. Gua seluas lebih kurang 122-152 meter dari aras laut ini menjadi habitat pelbagai flora dan fauna seperti orkid liar.

Selain itu terdapat air terjun tujuh tingkat yang memberikan suasana yang menakjubkan. Junaman air terjunnya membentuk

sebuah kolam yang menarik di bawahnya. Pengunjung dapat menerokai setiap tingkatnya dengan berhati-hati kerana batunya licin dan berbonggol-bonggol.

Setelah berjalan kira-kira 30 hingga 40 minit dari air terjun, terdapat Gua Batu Tangga. Nama gua ini berasal daripada batu-batu keras yang menyerupai anak-anak tangga di suatu sudut gua ini. Gua yang berbentuk seperti kuali yang terlangkup ini menjadi tempat berteduh pelanduk dan landak.

Selain itu terdapat gua-gua licin seperti Gua Batu Tangkup, Gua Batu Telahip, Gua Hijau dan Gua Harimau. Masing-masing mempunyai legenda dan keunikannya yang tersendiri.



TAMAN NEGARA

Di tengah-tengah hutan rimba tebal negeri Pahang dan bersempadan dengan Kelantan dan Terengganu, terdapat suatu kawasan khas yang dinamakan Taman Negara. Ia merupakan salah satu daripada Taman Negara yang terkenal di Malaysia. Untuk sampai ke Taman Negara, pengunjung perlu menaiki bot dari pekan Kuala Tembeling selama tiga jam untuk ke Kuala Tahan.

Taman Negara meliputi kawasan seluas 4,334 kilometer persegi. Di kawasan Taman Negara ini tersimpan khazanah negara yang kaya dengan fauna dan flora yang tidak ternilai harganya. Semua hidupan liar dan tumbuhan di dalamnya tidak boleh diganggu kecuali bahan-bahan yang dibenarkan oleh pihak yang berkuasa.

Pemeliharaan hidupan liar dan tumbuhan di kawasan ini adalah untuk mengekalkan keadaan alam semulajadi asalnya agar tidak pupus dan dimusnahkan. Semua binatang dibiarkan hidup bebas tanpa gangguan.

Hutan di kawasan Taman Negara ini ialah hutan yang tertua di dunia. Ia berusia lebih daripada 130 juta tahun. Terdapat pelbagai spesies tumbuhan yang hidup subur.

Di Taman Negara terdapat beberapa batang sungai dan Sungai Tahan merupakan sungai yang terpenting. Di sungai ini juga terdapat banyak jenis ikan seperti kelah, lampam, patin, jelawat, baung, kurau dan sebagainya.

Bagi pengunjung yang suka mengembara di dalam hutan, pasti tertarik hati memasuki kawasan Taman Negara ini kerana suasana yang mencabar. Pengembara terpaksa mengharungi pelbagai kesulitan melalui sungai-sungai yang berjeram atau menyusur lorong-lorong kecil penuh dengan pelbagai rintangan curam dan berbahaya.

• Gunung yang tertinggi di kawasan Taman Negara ini ialah Gunung Tahan. Dengan ketinggian 2,189 meter, ia juga merupakan gunung yang tertinggi di Semenanjung Malaysia.



TEKAM PLANTATION RESORT

Pengunjung yang inginkan ketenangan sebagai larian daripada hingar bingar kota raya maka bolehlah berkunjung ke Tekam Plantation Resort.

Tekam Plantation Resort terletak kira-kira 60 kilometer dari bandar Jerantut dan 45 kilometer dari bandar Pusat Jengka.

Tekam Plantation Resort merupakan destinasi baru lain dari yang lain yang menawarkan khidmat melancong sambil menimba ilmu pengetahuan.

Pusat pelancongan ini berkonsepkan 'Agro tourismi', iaitu pelancongan berdasarkan pertanian dan keaslian alam sekitarnya. Pusat itu mempunyai kawasan pertanian seluas lebih 2,430 hektar.

405 hektar dipenuhi dengan tanaman koko, 1,620 hektar kelapa sawit, 405 hektar kopi serta pelbagai jenis pokok buah-buahan lain seperti durian, nangka, rambutan, duku pisang, betik, durian belanda, limau, jambu dan manggis.

Tekam Plantation Resort terletak di kawasan Pusat Penyelidikan Pertanian Tun Razak, (PPPTR) Jerantut, Pahang, TPR kini berjaya menarik pelancong dalam dan luar negeri yang ingin menikmati keindahan alam pertanian di samping mengetahui lebih dekat tentang tanaman utama negara.

Pusat ini pada asalnya ialah rumah rehat untuk kakitangan dan pegawai Felda di Gugusan Jengka 20 tahun dahulu, tetapi kini dijadikan pusat pelancongan yang berpotensi untuk menarik pelancong.

Di sini pelancong boleh mendampingi suasana ladang meliputi ladang kelapa sawit, koko, kopi, kelapa dalam suasana yang nyaman lagi bersih jauh dari kesibukan kota.

Selain program lawatan ke ladang diadakan juga aturcara lain seperti latihan berenang, lawatan ke tapak semaihan buah-buahan, taklimat mengenai baik pulih tanaman, bengkel motivasi, perkhemahan dan lain-lain.

Bagi mereka yang ingin beriadah, pusat itu juga menyediakan gelanggang tenis, takraw, bola sepak, bola jaring, kolam renang, kolam memancing, kolam bersampuan dan trek jogging.

Terdapat juga kemudahan seperti tempat untuk berkursus, konvensyen, mesyuarat dan bilik kuliah. Kumpulan budaya sendiri turut menonjolkan budaya tempatan kepada para pelancong pada sebelah malam.

Pusat itu menyediakan kemudahan bilik, chalet dan cottage untuk disewakan dengan kadar sewa di antara RM 50 hingga RM 150 semalam.

Apa yang istimewa tentang tempat ini ialah pada musim buah-buahan dari Jun hingga Julai seperti rambutan dan durian, setiap pelancong diberi peluang menikmati rasa buah-buahan.

Kenikmatan seumpama itu tidak harus dilepaskan kerana setiap hasil tanaman yang terdapat di kawasan itu dijamin bermutu tinggi selaras dengan kedudukannya sebagai pusat penyelidikan pertanian.

Pengunjung juga boleh menempah pokok buah-buahan yang dikehendaki dengan membayar harga yang ditetapkan.



PULAU TIOMAN

Pulau Tioman terkenal sebagai salah satu daripada 10 tempat menarik di dunia. Sejarah awal Pulau Tioman hanya dapat diketahui setakat 1917 sewaktu Sultan Abdul Jalil melawat pulau itu dan pulau-pulau yang berdekatan.

Pada waktu itu, Pulau Tioman terletak di bawah pemerintahan negeri Johor dan kebanyakannya didiami oleh nelayan serta tempat persembunyian lanun di sekitar Laut Cina Selatan.

Menurut sejarah Pahang, pada tahun 1802, Bendahara Tun Muhammad yang ingin ke Pulau Tioman sekembalinya daripada lawatan ke pulau-pulau lain, dilanda oleh ribut taufan. Perahunya karam dan baginda mangkat di tengah laut. Berikutnya kejadian itu, baginda dikenali dengan panggilan 'Marhum Mangkat di Laut'.

Pada 1 September 1868, Temenggung Abu Bakar bersetuju menyerahkan Pulau Tioman kepada negeri Pahang di bawah pemerintahan Bendahara Wan Ahmad.

Mengikut perjanjian itu beberapa buah pulau lain turut diserahkan iaitu Pulau Seri Barat dan Pulau Kaban di bawah garisan lintang 20' - 40'. Perjanjian itu disaksikan oleh gabenor British ketika itu, Sir Harry Ord.

Menurut cerita legenda, Pulau Tioman wujud daripada seekor naga. Pada zaman dahulu, di Tasik Cini tinggal sepasang naga yang dikatakan suami isteri.

Pada suatu ketika, hujan turun dengan tidak berhenti-henti hingga menyebabkan Tasik Cini banjir. Akibatnya naga-naga itu tidak tahu lagi sempadan tasik itu. Kedua-dua naga itu hanyut ke hilir Sungai Pahang.

Kedua-dua naga itu terus menghilir Sungai Pahang dan akhirnya sampai ke Laut Cina Selatan. Setelah beberapa lama berenang di laut, naga betina teringat yang dia terlupa membawa kain cindainya. Maka dia memberitahu suaminya bahawa dia ingin pulang semula ke Tasik Cini untuk mengambil cindainya.

Dia menyuruh suaminya menunggu di situ sehingga dia kembali semula ke situ. Naga betina terus berpatah balik ke Tasik Cini. Naga jantan tekun menunggu kepulangan isterinya, tetapi setelah menunggu beberapa lama, isterinya tidak juga muncul. Dengan itu dia mengambil keputusan untuk meneruskan perjalannya ke arah selatan.

Sementara itu setelah naga betina mengambil kain cindainya, dia terus menghilir semula Sungai Pahang dan masuk ke Laut Cina Selatan. Apabila sampai ke tempat yang dijanjikan, dia dapati suaminya sudah tiada. Ketika dia berenang mencari suaminya berhampiran sebuah pulau bernama Bukit Datuk dekat Jugra, kain cindainya tersangkut pada batu.

Ketika naga betina cuba untuk melepaskan diri, ayam jantan yang berada di pulau itu berkокok yang menandakan hari nak siang. Naga betina terpaksa memberhentikan perjalanan kerana mematuhi adat resam naga, tidak boleh meneruskan perjalanan pada siang hari.

Akhirnya, naga betina itu mengambil keputusan untuk menetap di situ sahaja. Dia tidak berhajat untuk mencari

suaminya lagi. Lama-kelamaan naga betina itu bertukar menjadi pulau yang sekarang dikenali sebagai Pulau Tioman.

Sementara itu suaminya yang sudah berada jauh di hadapan juga terpaksa berhenti kerana hari telah siang. Dia tidak mahu melanggar adat. Seterusnya dia mengambil keputusan untuk menetap di situ dan akhirnya dia menjadi Pulau Daik.

Nama Pulau Tioman adalah berasal daripada suatu legenda. Menurut cerita, pada zaman dahulu ada seorang tua yang memelihara seekor burung tiong yang sangat merdu suaranya serta menjadi kesayangan penduduk pulau itu.

Burung tiong itu juga pandai bercakap beberapa patah perkataan. Bagaimanapun burung itu mati tanpa diketahui sebabnya. Disebabkan terlalu sayang kepada burung itu, beliau berasa amat sedih. Setiap kali disapa oleh penduduk kampung, dia menyatakan ‘tiong man sudah mati’ yang bermakna ‘tiong saya sudah mati’. Bagi penduduk tempatan, ‘man’ bermaksud ‘saya’.

Sejak peristiwa itu, pulau tersebut terus dikenali sebagai ‘Pulau Tiongman’. Dari perkataan ‘Tiongman’ itulah akhirnya diringkaskan dan wujud nama ‘Tioman’ dan kekal sehingga hari ini.

Pulau Tioman juga mempunyai beberapa kesan sejarah yang menarik seperti Makam Sheikh di Juara, Batu Neneh Si Mukut, Cula Naga, Batu Kamping dan Batu Carut yang mempunyai sejarahnya sendiri.

PULAU MENTAGAN

Pulau Mentagan terletak di tengah-tengah Sungai Pahang berhampiran Kampung Seri Makmur, Maran. Di bahagian tengah pulau ini diperlakukan terdapat sebuah batu berbentuk empat persegi. Batu itu seolah-olah menyerupai tempat peraduan raja-raja pada zaman dahulu.

Mengikut cerita penduduk tempatan, Pulau Mentagan pada mulanya berasal daripada sebuah kapal dagang. Disebabkan kemurkaan seseorang, akhirnya kapal dagang itu menjadi sebuah pulau kecil.

Menurut cerita, pada suatu masa dahulu, Sungai Pahang menjadi tumpuan berpuluhan-puluhan buah kapal dagang. Salah sebuah kapal dagang yang berlabuh di sekitar sungai itu ialah kapal yang dipunyai oleh saudagar yang kaya-raya bernama Mentagan.

Mentagan memang pada mulanya berasal daripada sebuah kampung terpencil yang terletak di sepanjang Sungai Pahang. Sebelum menjadi kaya-raya, Mentagan adalah seorang anak yang miskin.

PULAU MENTAGAN

Pulau Mentagan terletak di tengah-tengah Sungai Pahang berhampiran Kampung Seri Makmur, Maran. Di bahagian tengah pulau ini dipercuryai terdapat sebuah batu berbentuk empat persegi. Batu itu seolah-olah menyerupai tempat peraduan raja-raja pada zaman dahulu.

Mengikut cerita penduduk tempatan, Pulau Mentagan pada mulanya berasal daripada sebuah kapal dagang. Disebabkan kemurkaan seseorang, akhirnya kapal dagang itu menjadi sebuah pulau kecil.

Menurut cerita, pada suatu masa dahulu, Sungai Pahang menjadi tumpuan berpuluhan-puluhan buah kapal dagang. Salah sebuah kapal dagang yang berlabuh di sekitar sungai itu ialah kapal yang dipunyai oleh saudagar yang kaya-raya bernama Mentagan.

Mentagan memang pada mulanya berasal daripada sebuah kampung terpencil yang terletak di sepanjang Sungai Pahang. Sebelum menjadi kaya-raya, Mentagan adalah seorang anak yang miskin.

Mentagan mempunyai seorang ibu yang sudah tua lagi uzur. Memandangkan usianya sudah dewasa dan hidup pula miskin, Mentagan mengambil keputusan untuk merantau ke tempat orang untuk mengadu nasib.

Mentagan bercadang, apabila berada di tempat orang, dia akan mencari sebarang pekerjaan yang membolehkan dia hidup senang di samping menjaga ibunya.

Kesungguhan ingin mencari pekerjaan menyebabkan ibunya yang telah tua dan uzur itu membenarkan anaknya merantau. Ibunya sentiasa berdoa agar anaknya memperolehi kejayaan di rantau orang.

Setelah beberapa lama Mentagan merantau, akhirnya dia menjadi ahli perniagaan yang paling berjaya. Kejayaan dalam bidang perniagaan telah menjadikan dia seorang yang terkenal dan mempunyai harta kekayaan yang sangat banyak.

Mentagan menjadi lupa daratan. Sifat sompong serta bongkak mula menyelubungi hati dan perasaannya. Mentagan mula angkuh dengan kekayaan yang ada padanya. Mentagan mengaku dia berasal daripada keturunan bangsawan kepada rakan-rakannya. Tambahan pula Mentagan sudah berkahwin dengan seorang puteri raja. Maka bertambah angkuhlah dia.

Pada suatu masa, Mentagan telah datang ke tempat asalnya dengan menaiki sebuah bahtera. Tujuan kunjungnya ke Sungai Pahang adalah untuk berniaga, di samping membawa isterinya bersiar-siar menikmati keindahan alam maya.

Kedatangan Mentagan dan isterinya telah sampai ke pengetahuan ibunya. Amatlah gembira hati ibunya bila mengetahui anaknya kini telah menjadi kaya-raya serta telah mengahwini seorang puteri yang cantik.

Dengan perasaan bangga, ibunya telah datang ke kapal Mentagan untuk menemui anaknya di tebing Sungai Pahang. Walaupun ibunya menjerit-jerit memanggil anaknya Mentagan, tetapi Mentagan tidak menghiraukannya.

Sang ibu tidak berputus asa. Dia mengambil sebuah perahu kecil yang ada berhampiran dengannya lalu berkayuh menuju

ke kapal Mentagan. Pengawal-pengawal Mentagan menghalau ibu tua itu. Tetapi ibu tua itu tetap berdegil mahu berjumpa dengan Mentagan.

Mentagan mengarahkan ibu tua itu ditangkap dan dihumbangkan ke sungai. Akhirnya ibu Mentagan ditangkap oleh pengawal dan dihumbangkan ke dalam sungai. Berenanglah sang ibu menuju ke sampannya dan kemudian berkayuh kembali ke tebing sungai.

Sambil berkayuh ibunya berdoa supaya ditunjukkan kepadanya adakah orang yang berada di atas kapal itu anaknya ataupun tidak. Jika benar anaknya berada di atas kapal itu, maka diminta sesuatu bala menimpa anaknya.

Sebenarnya Mentagan mengetahui perempuan itu adalah ibunya. Tetapi dia merasa malu untuk mengakui di hadapan isterinya. Setelah selesai sahaja doa yang diminta oleh ibunya, tiba-tiba datang ribut besar berserta dengan guruh dan kilat sabung-menyalung. Serentak dengan itu juga, kapal Mentagan mula beransur tenggelam.

Mentagan sedar perkara itu berlaku atas permintaan ibunya. Tanpa berlengah-lengah lagi, Mentagan terus terjun dari kapalnya sambil berenang menuju ke arah ibunya. Malangnya ibunya tidak menghiraukan jeritan anaknya.

Apabila ibunya tiba di tebing sungai, beliau terus berlari menghala ke arah sebuah anak bukit. Sambil berlari ibunya menangis dengan semahu-mahunya. Dia sedih kerana anaknya tidak mahu mengakui dirinya sebagai ibunya. Mentagan terus berlari mendapatkan ibunya. Tetapi langkahnya semakin berat. Lama-kelamaan anggota badannya beransur-ansur menjadi batu.

Manakala kapal Mentagan terus tenggelam dan menjadi sebuah pulau. Kini apabila musim air surut, penduduk kampung dapat melihat sebuah batu berbentuk seperti orang sedang berlari. Diceritakan juga bahawa air mata ibunya mengalir dari bukit yang ditujunya sewaktu berlari itu menjadi sebuah anak sungai. Kini sungai itu dinamakan Sungai Air Mata.

GUA PANCING

Gua Pancing yang terletak tidak jauh dari Sungai Lembing merupakan salah satu tempat yang menarik dan sering dikunjungi ramai. Selain menikmati keindahan gua, pengunjung juga boleh mendaki bukit di sekitar tempat itu.

Menurut cerita, Gua Pancing berasal daripada rangka Naga Laut Cina Selatan yang terdampar di Sungai Lembing. Naga Laut Cina Selatan itu dikatakan bersisik perak. Naga itu tewas dalam suatu pertarungan dengan Naga Bersisik Emas. Semasa pertarungan itu berlangsung, Naga Sisik Perak meminta Naga Sisik Emas menarik bangkainya ke darat, jika ia kalah dalam pertarungan itu.

Sesudah tewas, Naga Sisik Emas menyempurnakan niat Naga Sisik Perak lalu mengheret bangkai musuhnya itu sehingga ke daratan Bukit Pancing.

Ketika usaha mengheret bangkai inilah, air Sungai Lembing melimpah naik lalu mengaramkan seluruh kawasan Pancing dan sekitar Sungai Lembing.

Kira-kira ratusan tahun kemudian, rangka kepala naga itu diselaputi oleh tumbuh-tumbuhan dan rumput-rampai. Semasa banjir besar melanda Pahang tahun 1926, Bukit Pancing kelihatan menyerupai sebuah perahu besar yang sedang berlayar.

GUA BAMA

Gua Bama terletak di Kampung Relong, Kuala Lipis di pinggir Lebuh Raya Kuala Lipis-Gua Musang. Ia menjadi tumpuan para peminat ekspedisi dan juga pelancong. Keindahan alam semula jadi di samping cerita lagenda merupakan faktor tarikan utama ke gua ini.

Kewujudan gua ini sering dikaitkan dengan cerita-cerita Sang Kelembai dan orang bunian. Menurut cerita tempatan, asal usul nama Gua Bama berkaitan dengan orang Siam. Pada masa dahulu, gua ini sering menjadi tumpuan orang untuk bertapa terutamanya orang Siam.

Pada masa dahulu ada seorang Siam bernama Berhama bertapa di gua itu. Semasa bertapa, Berhama tidak pernah bergerak dari tempat duduknya untuk beberapa tahun.

Setelah beberapa tahun bertapa, tanah yang jatuh ke atas badannya tidak dibuang dan bertambah banyak. Akhirnya tanah itu menjadi keras dan Berhama menjadi batu.

Ada pula cerita yang mengatakan bahawa Berhama menjadi batu akibat sumpahan tok gurunya kerana melanggar peraturan pertapaan. Gua tempat dia bertapa itu disebut Gua Berhama. Tetapi lama-kelamaan sebutan Gua Berhama itu diringkaskan kepada Gua Bama sahaja.

Gua Bama juga terkenal dengan kisah orang bunian. Pada waktu itu, orang kampung boleh berhubung dengan orang bunian tersebut untuk meminjam pinggan, padi dan sebagainya. Akan tetapi apabila sampai waktu memulang, orang kampung memulangkan pinggan yang pecah dan hampa padi sahaja.

Akibat sifat tidak jujur itu, orang bunian memutuskan perhubungan dengan mereka dan tidak lagi memberi pinjam barang-barang kepada mereka lagi.

Selain cerita orang bunian, Gua Bama juga terkenal dengan cerita tentang Sang Kelembai. Sang Kelembai ialah makhluk yang mempunyai kuasa sakti. Sang Kelembai boleh menukar sesuatu benda itu menjadi batu apabila ditegurnya.

Pada suatu hari, Sang Kelembai berasa marah dengan gajah dan harimau, lalu ditegurnya. Akibatnya, kini kita dapat melihat batu berbentuk gajah dan harimau di dalam Gua Bama.

Menurut cerita lain, pada masa dahulu di sekitar kawasan gua ini dikelilingi laut. Gua Bama yang tersergam indah itu merupakan tempat persinggahan bagi mereka mendapatkan bahan makanan semasa belayar.

Menurut cerita, suatu rombongan hendak mengadakan majlis perkahwinan secara besar-besaran. Mereka bertungkus-lumus menyediakan balai. Setelah siap, mereka mengadakan majlis perkahwinan itu pada siang hari. Majlis itu berjalan dengan meriah. Ketika suasana majlis itu riuh-rendah, mereka didatangi oleh Sang Kelembai.

Kebetulan Sang Kelembai melintasi tempat itu. Oleh itu Sang Kelembai menegur mereka. Akibatnya semua mereka yang berada di majlis itu bertukar menjadi batu.

Kini terdapat pelamin bersanding, rebana ubi, gendang tetawak serta tempat tidur pengantin yang menjadi batu. Bagaimanapun, gendang tetawak dan rebana ubi yang menjadi batu itu jika dipalu masih boleh mengeluarkan bunyi seperti biasa.

**PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM
PAHANG**



Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang

Jalan Gambut, 25000 Kuantan,

Pahang Darul Makmur.

Tel: 09-553411, 551606. Fax: 09- 551607

Waktu Perkhidmatan

| | | | | |
|---------------|---|------------|---|------------|
| ISNIN | : | 12.00 tgh. | - | 5.00 ptg. |
| SELASA-KHAMIS | : | 10.00 pagi | - | 5.00 ptg. |
| JUMAAT | : | 10.00 pagi | - | 12.15 tgh. |
| | : | 2.45 ptg | - | 5.00 ptg. |
| SABTU | : | 9.00 Pagi | - | 5.00 ptg. |
| AHAD | : | 9.00 pagi | - | 1.00 tgh. |

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI PAHANG

Bangunan yang digunakan di Jalan Gambut, Kuantan, iaitu di antara bangunan Lembaga Kemajuan Pertanian Pahang dan Ibu Pejabat Polis Kontijen Negeri Pahang, dan bersebelahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang.

Dibina dalam tahun 1955, bangunan ini merupakan Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang apabila ibu negeri Pahang dipindahkan dari Kuala Lipis ke Kuantan pada tahun tersebut. Bangunan asal diperbuat dari kayu, mungkin kerana diperlukan dengan segera ataupun kerana kayu banyak terdapat pada masa itu. Pembesaran bangunan ini banyak dilakukan pada masa ianya digunakan sebagai Ibu Pejabat Polis Kontijen Negeri Pahang di dalam dekad 70-an.

Bangunan ini diambil alih di dalam tahun 1981 oleh Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang, setelah Ibu Pejabat Polis Pahang berpindah ke bangunan barunya yang bersebelahan. Setelah dibaiki dan diubahsuai, Perpustakaan Awam Pahang yang bertempat di bangunan lama Rumah Rehat Daerah Kuantan di Jalan Masjid, telah dipindahkan ke bangunan ini pada akhir tahun 1894. Keluasan bangunan ini ialah lebih kurang 20,000 kaki persegi. Ia boleh menampung tempat duduk pembaca dan mempunyai koleksi untuk pinjaman dan rujukan.

Perpustakaan ini menyediakan perkhidmatan pinjaman dan rujukan, dan menggunakan sistem komputer untuk perkhidmatan pinjamannya.

Bagi kanak-kanak, disediakan bilik bacaan khas untuk mereka, yang juga dibekalkan dengan alat-alat permainan seperti catur, sahibba, scrabble dan sebagainya.

Kehadiran di bilik bacaan percuma, tetapi untuk meminjam bahan-bahan, seseorang itu perlulah menjadi Ahli Meminjam. Bayaran Pendaftaran dan Pertaruhan dikenakan untuk menjadi Ahli Meminjam.

Bahan-bahan yang berada di dalam koleksi bukan saja dalam bentuk bahan bercetak, tetapi juga meliputi mikrofis, mikrofilem, video kaset, kaset, CD dan sebagainya.

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM PAHANG

Sorotan ringkas mengenai perkembangan dan pencapaian

PENDAHULUAN

Kelahiran Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang ialah melalui Enakmen Pahang No. 11 Tahun 1973, iaitu Enakmen Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang, 1973. Mulai beroperasi secara rasmi di dalam tahun 1974, kini usianya sudah hampir 14 tahun. Pencapaian paling ketara Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang di dalam masa 14 tahun ini ialah menjadikan perkhidmatan perpustakaan awam di negeri Pahang Darul Makmur suatu kenyataan, kerana sebelum ini, perpustakaan awam tidak pernah wujud di negeri Pahang Darul Makmur. Untuk mengetahui pencapaian-pencapaian lain yang telah dilakukan, perlulah dibuat penelitian berdasarkan tanggungjawab dan perkembangan semasa.

TUGAS-TUGAS DAN KUASA PERBADANAN

Mengikut Seksyen 8 dan Seksyen 9 Enakmen Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang 1973, tugas dan kuasa Perbadanan adalah seperti berikut :

Seksyen 8

Tugas-tugas Perbadanan ialah :

- (a) Menubuh, melengkap, mengurus dan menyelenggarakan Perpustakaan Awam Pahang;
- (b) Mengembangkan dan menggalakkan pembacaan khususnya dalam Bahasa Kebangsaan;
- (c) Mengembangkan dan menggalakkan penggunaan buku-buku di Perpustakaan Awam untuk rujukan dan untuk pinjaman tertakluk kepada pemeliharaan yang sempurna terhadap kehilangan atau kerosakan;
- (d) Memperolehi suatu kumpulan lengkap bahan-bahan perpus-

takaan yang ada hubungan dengan Negeri atau yang diterbitkan di dalam Negeri;

- (e) Mendapatkan dan mengadakan penerangan pusat mengenai sumber-sumber dan perkhidmatan-perkhidmatan perpustakaan dalam Negeri bagi pihak Perpustakaan Negara;
- (f) Bertindak sebagai agensi pengelolaan untuk memberi pinjam dan pertukaran bahan-bahan perpustakaan pada peringkat antara Negeri dan di antara Perpustakaan Awam dan Perpustakaan Negara;
- (g) Mengadakan perkhidmatan rujukan, bibliografi dan perkhidmatan pinjaman antara perpustakaan kepada Jabatan-jabatan negeri dan Dewan Undangan Negeri;
- (h) Melakukan apa-apa perkara dan benda lain yang difikirkan perlu bagi menjalankan atau melaksanakan kesemua atau apa-apa maksud Enakmen ini.

Seksyen 9

Perbadanan boleh:

- (a) Menubuh, mengurus dan menyelenggarakan cawangan-cawangan Perpustakaan Awam di mana-mana bahagian dalam Negeri;
- (b) Mengadakan dan menyelenggarakan perpustakaan-perpustakaan bergerak;
- (c) Menasihat perpustakaan Jabatan-Jabatan Kerajaan Negeri di dalam Negeri;
- (d) Membeli, menukar, meminjam dan menerima bahan-bahan perpustakaan dan lain-lain harta alih bersangkutan dengan penubuhan dan pengurusan Perpustakaan Awam;
- (e) Membeli, menukar, memajak dan memegang tanah, bangunan-bangunan dan lain-lain harta tak alih bagi penubuhan Perpustakaan Awam dan bagi apa-apa maksud yang perlu untuk

- menjalankan tugas-tugas Perbadanan;
- (f) Mengambil alih mana-mana perpustakaan dalam Negeri dengan persetujuan perpustakaan tersebut dan pada melakukannya boleh membuat kontrak atau perkiraan yang munasabah dengan mana-mana orang, kelab, persatuan atau Kerajaan tempatan dengan kelulusan Raja dalam mesyuarat;
 - (g) Membuat perhubungan dan bekerjasama setakat mana dan atas apa-apa syarat yang difikirkan perlu dengan perpustakaan-perpustakaan lain, institusi-institusi pengajian tinggi atau mana-mana pertubuhan antarabangsa sama ada dalam Nege ri-negeri di Malaysia atau sebaliknya;
 - (h) Mengadakan latihan-latihan bagi orang-orang untuk menjalankan tugas-tugas ikhtisas dan bukan ikhtisas dalam perpus takaan-perpustakaan;
 - (i) Melantik jawatankuasa-jawatankuasa khas yang kepadanya Perbadanan boleh mewakilkan apa-apa tugas pentadbirannya;
 - (j) Membuat apa-apa kontrak atau melakukan apa-apa tindakan atau kerja lain, sebagaimana yang perlu dan bagi melaksana kan maksud-maksud Enakmen ini.

PERLAKSANAAN DAN PENCAPAIAN

Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang mula memberikan perkhidmatan kepada orang ramai di dalam bulan April, 1976. Ini ialah melalui pembukaan Perpustakaan Awam Negeri di Kuantan kepada awam. Pada masa itu, Perpustakaan Awam Negeri mempunyai koleksi berjumlah 15,000 naskhah buku-buku dan kakitangan seramai 6 orang. Perkhidmatan rujukan saja diberi di peringkat permulaan manakala perkhidmatan pinjaman dimulakan pada tahun 1977.

Pada bulan Mei, 1980, Perpustakaan Cawangan Temerloh memulakan

perkhidmatannya, manakala perkhidmatan di Perpustakaan Awam Cawangan Bentong dimulakan di dalam bulan Oktober, 1983. Sebanyak dua buah perpustakaan bergerak telah diperolehi, iaitu sebuah di dalam tahun 1983 dan sebuah lagi di dalam tahun 1984. Dengan itu, setakat ini Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang telah mempunyai 3 buah perpustakaan tetap dan 2 buah perpustakaan bergerak.

Pencapaian-pencapaian perkhidmatan perpustakaan yang berjalan setakat ini adalah seperti berikut;

| | |
|-----------------------------------|--------------------|
| 1. Jumlah Koleksi Buku-Buku | |
| 1. Perpustakaan Negeri | - 48,300 naskhah |
| 2. Perpustakaan Cawangan Temerloh | - 15,300 naskhah |
| 3. Perpustakaan Cawangan Bentong | - 5,200 naskhah |
| 4. Perpustakaan Bergerak | - 15,500 naskhah |
| Jumlah | 84,300 naskhah |
| | ===== |

KOLEKSI PERPUSTAKAAN

Ia meliputi bahan pinjaman, bahan rujukan, bahan berkala dan alat pandang dengar khususnya di dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.

Bahan Pinjaman

Buku-buku fiksyen dan bukan fiksyen untuk kanak-kanak, belia dan dewasa.

Bahan Rujukan

Ia terbahagi kepada koleksi rujukan umum dan koleksi rujukan khusus

(seperti Koleksi Negeri Pahang, Terbitan Khas dan Koleksi Buku Merah). Bahan-bahannya meliputi ensaiklopedia, kamus, laporan, bahan-bahan mengenai Negeri Pahang dan sebagainya.

Bahan Berkala

Majalah dan akhbar untuk dewasa dan kanak-kanak.

Alat Pandang Dengar

Seperti kaset, pita video, mikrofis, mikrofilem dan sebagainya.

Perpustakaan Cawangan Temerloh



Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang Cawangan Temerloh

Tkt. 2, Bangunan Majlis Daerah Temerloh,
 28000 Temerloh,
 Pahang Darul Makmur
 Tel : 09-2962300.

Perpustakaan Awam Cawangan Temerloh

Dibuka mulai tahun 1980, perpustakaan ini mempunyai ruang yang terhad. Ia juga menyediakan tempat bacaan untuk para pelajar dan para pengunjung.

Untuk menampung keperluan semasa dan masa hadapan, sebuah bangunan baru bernilai RM1.3 juta sedang dibina di kawasan di antara Pejabat Kadi Temerloh dan Mahkamah Temerloh.

Perpustakaan Cawangan Bentong



**Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang
Cawangan Bentong**
No. 212, Kg. Baru,
28700 Bentong,
Pahang Darul Makmur
Tel : 09-2222233.

Perpustakaan Awam Cawangan Bentong

Dibuka pada tahun 1984, bangunan ini asalnya ialah sebuah rumah kediaman untuk kakitangan kerajaan. Ia adalah bangunan kayu satu tingkat.

Setelah dibaiki dan diubahsuai ia dijadikan dewan bacaan. Perpustakaan ini juga mengendalikan perkhidmatan memberi pinjaman buku-buku dan bahan-bahan berkaitan kepada ahlinya.

Perpustakaan Cawangan Raub



**Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang
Cawangan Raub**

Jalan Dato' Abdullah,

27600 Raub,

Pahang Darul Makmur.

Tel : 09-3555022.

Perpustakaan Awam Cawangan Raub

Dibuka pada tahun 1989. Bangunan ini dulunya ialah sebuah rumah kediaman kakitangan kerajaan. Ia terletak bersebelahan Dewan Jubli.

Bangunan ini merupakan bangunan kayu satu tingkat. Setelah diperbaiki dan diubahsuai ia dijadikan dewan bacaan.

Perpustakaan ini juga menyediakan perkhidmatan pinjaman buku-buku, bahan rujukan dan bahan-bahan lain yang berkaitan kepada ahlinya.

Perpustakaan ini terletak di Jalan Dato' Abdullah, 27600 Raub, Pahang Darul Makmur.

Perpustakaan Cawangan Maran



Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang Cawangan Maran

Jalan Perpustakaan,
26500 Maran,
Pahang Darul Makmur.

Tel : 09-471622

Perpustakaan Awam Cawangan Maran

Asalnya bangunan ini diperbuat daripada kayu. Bangunan ini dibina bersebelahan bangunan pasar bandar Maran. Bangunan ini kemudiannya dibina semula dengan kos perbelanjaan sebanyak RM150,000 pada tahun 1992. Bangunan satu tingkat ini menyediakan ruang bacaan kepada para pengunjungnya.

Di samping menyediakan perkhidmatan pinjaman buku-buku, kakitangan yang bertugas juga bertanggungjawab memberi nasihat kepada para pengunjung berkaitan dengan perkhidmatan yang disediakan oleh perpustakaan.

Perpustakaan Cawangan Pekan



Perbadana Perpustakaan Awam Pahang Cawangan Pekan

Jalan Tengku Besar Sulaiman,
26600 Pekan,
Pahang Darul Makmur.
Tel : 09-4224042.

Perpustakaan Awam Cawangan Pekan

Asalnya sebuah istana bernama Istana Leban Tunggal. Bangunan ini telah diwartakan sebagai bangunan bersejarah dan dibaiki oleh Muzium Negara dengan kos sebanyak RM500,000.00.

Bangunan ini kemudiannya diserahkan kepada Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang untuk dijadikan Perpustakaan Awam Daerah Pekan.

Perpustakaan Cawangan Jengka



**Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang
Cawangan Jengka
NADIKOTA
26400 Bandar Pusat Jengka,
Pahang Darul Makmur**

Perpustakaan Awam Cawangan Jengka

Bangunan batu satu tingkat di bandar Jengka dibina pada tahun 1994 oleh Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka, untuk dijadikan sebagai perpustakaan awam.

Perpustakaan Cawangan Kuala Lipis



**Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang
Cawangan Kuala Lipis**
JKR 621, Jalan Lipis/Benta,
27200 Kuala Lipis,
Pahang Darul Makmur.
Tel : 09-314155.

Perpustakaan Awam Cawangan Kuala Lipis

Perpustakaan ini dibina bersebelahan Dewan Majlis Daerah Kuala Lipis. Ia dibina pada tahun 1993 dengan perbelanjaan sebanyak RM200,000.00. Merupakan bangunan batu dua tingkat.

Perpustakaan Cawangan Jerantut



**Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang
Cawangan Jerantut**
27000 Jerantut,
Pahang Darul Makmur.
Tel : 09-2664613.

Perpustakaan Awam Cawangan Jerantut

Asalnya ialah Bilik Gerakan Pejabat Daerah Jerantut. Setelah diubahsuai ia dijadikan dewan bacaan dan mula beroperasi pada tahun 1993.

Perpustakaan Desa



Perpustakaan Desa Kampung Mahkota,
Km. 12, Jalan Gambang,
25150 Kuantan, Pahang Darul Makmur.



Perpustakaan Desa Kampung Gua,
Padang Tengku,
27200 Kuala Lipis,
Pahang Darul Makmur.

**Perpustakaan Desa
Mukim Chenor**



Perpustakaan Desa Mukim Chenor,
Kampung Chenor,
28100 Maran,
Pahang Darul Makmur.